



U. 8820

1100089077



LP 37 FPE 2 2009



1100089077

Analisis penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan /  
Nor Hazlina Saadon.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

	<b>1100089077</b>	

Lihat Sebelah

**HAK MILIK**  
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ANALISIS PENYERTAAN WANITA BERKAHWIN DALAM  
SEKTOR PEKERJAAN

OLEH

NOR HAZLINA BINTI SAADON  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

## PENGAKUAN

Saya akui Projek Ilmiah Tahun Akhir (EKN 4399 A/B) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

TARIKH : 26 APRIL 2009

.....*Haslina*.....

**NAMA : NOR HAZLINA BINTI SAADON**

**NO. MATRIK : UK 13379**

## DECLARATION

I hereby declare that this Paper Project (EKN 4399 A/B) is the result of my own finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving references is appended.

DATE : 26 APRIL 2009

.....*Haslina*.....

**NAME: NOR HAZLINA BINTI SAADON**

**MATRIC NO. : UK 13379**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan keizinan dan limpahan rahmat serta hidayah dari-Nya jua, Kertas Projek Tahun Akhir (EKN 4399 A/B) telah dapat disiapkan walaupun di himpit kesibukan tugas-tugas harian yang tidak pernah ada penghujungnya. Tidak lupa juga selawat dan salam ke atas Nabi junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat terutamanya kepada Pn. Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid selaku penyelia dan pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar semasa menyiapkan Kertas Projek Tahun Akhir. Insya-Allah, segala tunjuk ajar yang telah diberikan akan saya gunakan pada masa hadapan kelak

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Saadon bin Abdul Samad dan Pn. Zaliha binti Mohamad, adik-beradik dan keluarga yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan agar saya tidak mudah putus asa dalam menghadapi cabaran dan dugaan hidup ini.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan kerana memberi tunjuk ajar dalam menjayakan Kertas Projek Tahun Akhir ini.

Sekian dan terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian yang bertajuk Analisis Penyertaan Wanita Berkahwin dalam Sektor Pekerjaan bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan penyertaan wanita berkahwin dan penyertaan wanita yang belum berkahwin dalam sektor pekerjaan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kajian lepas oleh Kwabena A.Anaman dan Hartinie M.Kassim (2005) mendapati umur, taraf pekerjaan dan tahap pendidikan signifikan terhadap penglibatan tenaga buruh wanita berkahwin dan belum berkahwin dalam pasaran buruh, Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin lebih cenderung daripada wanita belum berkahwin dalam sektor pekerjaan dan faktor-faktor pendorong tenaga buruh wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan adalah pendapatan suami, pengalaman bekerja, tahap pendidikan, dan umur. Kajian oleh Lim Hock Eam, Zalina Mohd Mohaideen dan Norehan Abdullah (2003) mendapati pembolehubah agama tidak signifikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di negeri Kedah. Selain itu, kajian oleh Lim Hock Eam dan Zalina Mohd Mohaideen (2003) mendapati bahawa kesan sut bilangan anak ke atas penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin berbeza mengikut peringkat umur. Oleh itu objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu mengkaji faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan dan menganalisis penyertaan wanita yang belum berkahwin serta kesannya terhadap pembangunan ekonomi. Kaedah soal selidik telah dijalankan kepada 100 orang wanita berkahwin sebagai responden di negeri Johor. Selain itu data sekunder yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia juga digunakan dalam kajian ini. Data yang telah dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The School Science (SPSS). Kajian ini juga menggunakan Model Binary Logistik dan Model Regrasi. Hasil kajian yang diperolehi melalui Model Binary Logistik hubungan signifikan antara penyertaan wanita berkahwin dengan pekerjaan. Manakala hubungan yang tidak signifikan antara penyertaan wanita berkahwin dengan taraf perkahwinan, tahap pendidikan, tempat tinggal, pendapatan suami yang rendah, bilangan anak, sebab penyertaan wanita dan bilangan isi rumah. Manakala hasil kajian melalui Model Regrasi penyertaan wanita yang belum berkahwin dengan penyertaan wanita berkahwin mempunyai hubungan yang kuat dengan Keluaran Dalam Negara Kasar. Kesimpulannya pelbagai langkah-langkah telah dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Kerajaan merangka strategi-strategi yang khusus bagi menggalakkan wanita melibatkan diri dalam sektor pekerjaan selaras dengan negara yang melangkah ke fasa baru pembangunan bagi menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

## ABSTRACT

This study married women's labor force participation in employment sector aims to know married women participation factors influencing in employment sector. Apart from that this study also aimed to examine effect women participation married and women participation not married in employment sector on Gross Domestic Product (GDP). The literature review by Kwabena A. Anaman And Hartinie M. Kassim (2005) finds that preference age, job and education level standard significant on involved female labour married and not married in labour market. Participation married female labour more than women not married in formal labor force and factors influencing married female labour are husband income, work experience, education level, and age. Researched By Lim Hock Eam, Zalina Mohd Mohaideen And Norehan Abdullah (2003) finds religion variable no significant on probability work married women in Kedah state. Apart from that, researched by Lim Hock Eam and Zalina Mohd Mohaideen (2003) find that marginal effect number of children on female labour force participation married differ according to age level. This objective of this study is two-fold. First, examine married women participation factors influencing in employment sector. Second, analyses married women participation and women not married and effect on Gross Domestic Product (GDP). This analysis is based on a survey of 100 married female labor force in Johore state. Apart from that secondary data achieved from Department Statistics of Malaysia. Collected data will be analyzed using Statistical Package For The School Science's software (SPSS). This study also used Binary Logistic Model and Regression Model. Survey results finds through Binary Logistic Model occupation having significant relationship between married women participation. While relationship that find not significant between married women participation of marital status, education level, accommodation, low husband's income, number of children, women participation and number of households reason. The results through Regression model women participation not married with married women participation has strong relation with Gross Domestic Product. This conclusion various measures were implemented to increase women participation in employment sector. The government drafting specific strategies to encourage woman in employment sector concord with those countries step to development new phase to be developed nation near know 2020.

## SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
MUKASURAT TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI ILUSTRASI	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
TEKS	vi
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	3
1.2 Pemasalahan Kajian	9
1.3 Objektif	11
1.4 Metodologi Kajian	11
1.5 Skop Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Kesimpulan	14
<b>BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.0 Pengenalan	16
2.1 Peranan dan fungsi kaum wanita di Malaysia	
2.1.1 Bidang Politik	17
2.1.2 Bidang Ekonomi	18
2.2 Peranan wanita dalam keluarga	21



2.3	Perkahwinan dan penyertaan wanita berkahwin	24
2.4	Faktor-faktor wanita bekerja	
2.4.1	Kewangan	25
2.4.2	Self-actualization	25
2.4.3	Keperluan Hubungan Sosial	26
2.4.4	Menyahut seruan kerajaan	26
2.5	Kesan Wanita Bekerja	
2.5.1	Kesan Positif	27
2.5.2	Kesan Negatif	29
2.6	Ulasan Karya	
2.6.1	Marriage and female labour supply in Brunei Darussalam: A case study of urban women in Bandar Seri Begawan	30
2.6.2	Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah: Kesan faktor agama, anak dan pendidikan Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah: Kesan faktor agama, anak dan pendidikan	31
2.6.3	Marriage, female labor supply, and Asian zodiacs	32
2.6.4	Kesan faktor anak ke atas penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah: Satu analisis model multinomial logit	33
2.6.5	Women's labor force participation and marriage: The case of Korea	34
2.6.6	Trends in women's labor force participation in Australia: 1984–2002	35
2.6.7	Variation in labor market participation of married women in Turkey	36

2.6.8	The career and family choices of women:A dynamic analysis of labor force participation, schooling, marriage, and fertility decisions.	37
2.7	Kesimpulan	37

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Metodologi	
3.2.1	Model Binary Logistik	42
3.2.2	Analisis Deskriptif	44
3.2.3	Analisis Kebarangkalian Bekerja	44
3.2.4	Model Kajian	45
3.3	Pengujian Model	46
3.4	Pembentukan Soal Selidik	
3.4.1	Lokasi Kajian	47
3.4.2	Pemilihan Sampel Kajian	47
3.4.3	Tempoh Pelaksanaan Kajian	48
3.5	Kesimpulan	48

### **BAB 4 : HASIL KEPUTUSAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	49
4.1	Analisis Deskriptif	50
4.2	Analisis Model Binary Logistik	81

4.3	Analisis Regresi	87
4.4	Analisis Keputusan	93

## **BAB 5 : RUMUSAN KAJIAN DAN IMPLIKASI DASAR**

5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan Keputusan Kajian	
5.2.1	Analisis terhadap demografi responden	96
5.2.2	Analisis faktor-faktor yang menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan	96
5.2.3	Analisis kebaikan dan keburukan disebabkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan	97
5.2.4	Analisis Model Binary Logistik	97
5.2.5	Analisis Regresi	98
5.3	Cadangan Kajian/Saranan Kajian	99
5.4	Kesimpulan	104

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Bilangan Penduduk Yang Bekerja Mengikut Pekerjaan Dan Jantina, Malaysia 2001	5
Jadual 1.2 : Bilangan Ahli Profesional Yang Berdaftar Mengikut Jantina, 2006-2007	6
Jadual 1.3 : Jumlah Tenaga Buruh Wanita Pada Tahun 2006 Dan 2007	9
Jadual 1.4 : Bilangan Penduduk yang Bekerja mengikut Pekerjaan dan Jantina, 2006	15
Jadual 2.1 : Bilangan Penduduk yang Bekerja mengikut Status Pekerjaan dan Gender, Malaysia 2001('000)	20
Jadual 2.2 : Bilangan Tenaga Buruh Mengikut Taraf Perkahwinan, Strata Dan Jantina, Malaysia, 2004	40
Jadual 4.1 : Nilai Purata Yang Diperolehi Daripada Data-Data Yang Dikumpul Bagi Bahagian A	50
Jadual 4.2 : Jantina Responden	53
Jadual 4.3 : Nilai Purata Yang Diperolehi Daripada Data-Data Yang Dikumpul Bagi Bahagian B	62
Jadual 4.4 : Nilai Purata Yang Diperolehi Daripada Data-Data Yang Dikumpul Bagi Bahagian C	77
Jadual 4.5 : Output Daripada Regresi Logistik	85

## SENARAI ILUSTRASI

Rajah 1 : Taburan Guna Tenaga Perempuan Mengikut Pekerjaan, 2006	8
Rajah 2 : Bangsa	53
Rajah 3 : Taraf Perkahwinan	54
Rajah 4 : Umur	55
Rajah 5 : Tahap Pendidikan	56
Rajah 6 : Pekerjaan	57
Rajah 7 : Jumlah Pendapatan	58
Rajah 8 : Bilangan Isi Rumah	59
Rajah 9 : Bilangan Tanggungan	60
Rajah 10 : Tempat Tinggal	61
Rajah 11 : Penglibatan Diri Dalam Sektor Pekerjaan	67
Rajah 12 : Pengalaman Bekerja	68
Rajah 13 : Tahap Pengetahuan	69
Rajah 14 : Pihak Yang Bertanggungjawab Dalam Meningkatkan Penyertaan Wanita Dalam Sektor Pekerjaan	70
Rajah 15 : Penyertaan Wanita Dalam Sektor Pekerjaan Disebabkan Pendapatan Suami Yang Rendah	71
Rajah 16 : Pendapatan Suami	72
Rajah 17 : Pendapatan Sampingan	73
Rajah 18 : Bilangan Anak	74
Rajah 19 : Pendapat Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Wanita Sebagai Penjaga Boleh Diambil Alih Oleh Pihak Yang Menawarkan Perkhidmatan Penjagaan Anak	75
Rajah 20 : Kos Perbelanjaan Seorang Anak	76

## **SENARAI SINGKATAN**

KDNK - Keluaran Dalam Negara Kasar

NGO - Badan Bukan Kerajaan

HAWA - Unit Hal Ehwal Wanita

DWN - Dasar Wanita Negara

LPPKN - Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara

ABIM - Angkatan Belia Islam

## **RUJUKAN**

**105**

## **LAMPIRAN**

**LAMPIRAN A**

**LAMPIRAN B**

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Malaysia merupakan negara yang melangkah ke fasa baru pembangunan bagi merealisasikan aspirasinya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil inisiatif bagi menggalakkan lagi penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan menyumbang ke arah peningkatan pembangunan sosioekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), wanita telah memberikan sumbangan yang ketara kepada pembangunan ekonomi di Malaysia. Semenjak 40 tahun yang lalu, wanita telah mencapai satu kemajuan mengagumkan di tempat kerja. Malah, sejak tahun 1970-an, bilangan mereka yang menyertai dunia pekerjaan bertambah ramai. Peratusan tenaga kerja wanita meningkat dari 37 peratus pada tahun 1970 ke 43.5 peratus pada tahun 1995 dan pada tahun 2006 peratusan tenaga kerja wanita 45.8 peratus meningkat kepada 46.4 peratus pada tahun 2007. Inisiatif-inisiatif oleh pihak Kerajaan dan juga badan-badan bukan kerajaan terhadap laluan kepada pendidikan pada tahap yang tinggi telah membantu memberikan kekuatan kepada sejumlah peratus wanita-wanita yang belum berkahwin mahupun yang telah berkahwin untuk menuju ke arah sektor-sektor pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

Menurut statistik yang didapati daripada kajian semula Rancangan Malaysia ke-8 yang telah dilakukan pada jangkamasa pertengahan, bilangan wanita-wanita belum berkahwin mahupun yang telah berkahwin yang telah menjadi profesional telah meningkat daripada 5 peratus pada tahun 2000 kepada 5.3 peratus pada tahun 2002.

Pelbagai polisi telah dirangka dan diimplementasikan oleh kerajaan sesebuah negara untuk membantu pembangunan negara. Dasar Wanita Negara (DWN) telah digubal sebagai panduan bagi penglibatan para wanita dalam proses pembangunan. Dasar tersebut boleh membantu meningkatkan taraf kehidupan wanita bagi menangani cabaran-cabaran melalui pendidikan dan penghapusan kemiskinan. Jika diimbaz kembali Rancangan Malaysia ke-6 yang lalu iaitu pada tahun 1991 hingga 1995, status wanita telah menjadi objektif utama di mana sebuah dana khas disediakan untuk perkembangan wanita dan telah menjadi satu langkah yang penting di dalam menuju ke arah memperkasakan wanita-wanita di Malaysia.

Pihak kerajaan akan terus memainkan peranan yang penting dalam menyokong untuk mencapai lebih kesaksamaan gender dalam negara ini, dengan menyediakan persekitaran yang sihat untuk memajukan wanita-wanita dalam arena kebangsaan dan juga antarabangsa. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab dalam mengetengahkan isu-isu wanita di Malaysia telah diberikan peruntukan di mana ia telah ditingkatkan daripada RM 1.8 juta (US\$ 0.5 juta) pada tahun 2001 kepada RM 30.5 juta (US\$ 8.6 juta) pada tahun 2005 dan ia membuktikan bahawa negara ini amat serius dalam komitmennya terhadap isu-isu wanita. Selain itu pihak kerajaan juga telah memperkenalkan Konvensyen PBB pada tahun 1995 yang berkaitan dengan Penghapusan Sebarang Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Selain itu, menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat dengan diberikan mandat untuk mengendalikan isu-isu berkaitan dengan wanita serta mengangkat martabat wanita di negara ini. Perlembagaan Malaysia juga telah digubal semula pada Ogos 2001 yang melarang sebarang bentuk diskriminasi yang berasaskan gender dalam mana-mana undang-undang.



## 1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

Dewasa ini wanita di Malaysia memainkan peranan penting dalam pembentukan generasi akan datang dan merupakan sumber tenaga penting dalam perkembangan ekonomi dan sosial negara. Selain itu, kaum wanita juga merupakan aset yang bernilai dan hakikat ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam tahun 70-an. Sejak itu kaum wanita di seluruh dunia mulai mendapat perhatian yang sewajarnya dan antara resolusi yang telah diambil ialah menentukan persamaan hak di antara wanita dan kaum lelaki, menghormati hak asasi manusia dan memupuk kemajuan sosial serta meningkatkan cara hidup yang lebih berkualiti. PBB juga telah menekankan pentingnya melibatkan kaum wanita dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara. Negara-negara anggota juga digesa merancang tentang keperluan kaum wanita memastikan supaya mekanisma pelaksanaan sistem perundangan adalah licin serta teratur dan menentukan supaya pembiayaan program-program untuk kaum wanita adalah mencukupi.

Selain itu pertubuhan antarabangsa seperti International Fund for Agricultural Development (IFAD) telah mengusahakan the Geneva Declaration di mana Wanita-wanita Pertama seluruh dunia bersetuju meningkatkan status sosio-ekonomi kaum wanita di luar bandar di peringkat Wilayah dan negara masing-masing. Pada tahun 1983 pula, Urusetia Hal Ehwat Wanita (HAWA) telah ditubuhkan untuk mengawasi dan menilai perkhidmatan yang dibekalkan bagi faedah kaum wanita. Garis panduan untuk mengintergrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara telah melahirkan dasar wanita negara (DWN) pada tahun 1989.

Dasar Wanita Negara (DWN) juga telah memperjelaskan peranan kerajaan ke arah membantu penyertaan wanita dalam arus pembangunan negara. Pengiktirafan ini memang sesuai diterima oleh kaum wanita kerana sumbangan besar wanita dalam pembangunan negara kerana wanita merupakan satu per tiga daripada tenaga buruh. Dari

segi penyertaan wanita didapati kadar peratusan telah meningkat dari 45.8 peratus pada tahun 2006 dan 46.4 peratus pada tahun 2007.

Melalui penyertaan yang lebih baik dalam pasaran kerja, wanita yang telah berkahwin didapati lebih banyak melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam pelbagai bidang kepada pembangunan negara. Hal ini kerana terdapat faktor-faktor pendorong seperti taraf pendidikan yang lebih tinggi telah menyaksikan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan pelbagai aktiviti perniagaan. Namun ia bertambah rancak apabila, wanita dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai bagi menjadikan mereka lebih berdaya saing dan serba boleh untuk menhadapi cabaran ekonomi. Bagi wanita yang telah berkahwin, perkembangan ini membuatkan kebergantungan isteri kepada suami semakin berkurangan memandangkan mereka mampu menjana pendapatan sendiri yang kadangkala lebih tinggi daripada pendapatan suami.

**JADUAL 1.1: BILANGAN PENDUDUK YANG BEKERJA MENGIKUT PEKERJAAN DAN JANTINA, MALAYSIA 2001**

		Jumlah	Lelaki	Perempuan	Perempuan (% dari jumlah perempuan bekerja)
Bilangan Penduduk yang bekerja	('000)	9535.0	6212.0	3323.0	100.0
Penggubal undang-undang, pegawai kanan & pengurus	('000)	695.1	541.8	153.3	4.6
Profesional	('000)	466.1	282.2	184.0	5.5
Juruteknik & professional bersekutu	('000)	1153.7	744.8	408.9	12.3
Pekerja perkeranian	('000)	914.0	332.6	581.4	17.5
Pekerja perkhidmatan, pekerja kedai & jurujual	('000)	1328.4	757.9	570.5	17.2
Pekerja mahir pertanian & perikanan	('000)	1345.3	938.4	406.9	12.2
Pekerja pertukangan & berkaitan	('000)	1174.4	995.8	178.6	5.4
Operator loji & mesin serta pemasang	('000)	1461.3	989.8	471.5	14.2
Pekerja asas	('000)	996.7	628.8	367.9	11.1

nota :

Pekerjaan dikelaskan mengikut Piawai Pengelasan Pekerja Malaysia 1998

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

**JADUAL 1.2 : BILANGAN AHLI PROFESIONAL YANG BERDAFTAR MENGIKUT JANTINA, 2006-2007**


2006		2007						
Profesion	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Perempuan (%daripada jumlah)	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Perempuan (%daripada jumlah)
Akauntan	22,460	12,578	9,882	44.0	23,558	12,986	10,572	44.9
Arkitek profesional	1,621	1,389	232	14.3	1,629	1,395	234	14.4
Arkitek	1,271	925	346	27.2	1,281	916	365	28.5
Jurutera profesional	12,598	12,245	353	2.8	12,844	12,466	378	2.9
Jurutera siswazah	40,608	34,728	5,880	14.5	42,893	36,596	6,297	14.7

Doktor gigi	2,841	1,244	1,597	56.2	2,998	1,252	1,746	58.2
Doktor veterinar	1,462	960	502	34.3	1,464	962	502	34.3
Doktor perubatan	-	-	-	-	-	-	-	-
Juruukur tanah	423	422	1	0.2	447	445	2	0.4
Juruukur bahan	1,408	931	477	33.9	1,457	946	511	35.1
Peguam	12,229	6,639	5,590	45.7	12,391	6,699	5,692	45.9

Nota : 2006 & 2007 - kedudukan pada pertengahan tahun  
 .. Tidak diperolehi

Sumber : Institut Akauntan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Veterinar Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia dan Sabah, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia

**RAJAH 1 : TABURAN GUNA TENAGA PEREMPUAN MENGIKUT PEKERJAAN, 2006**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 1.2 PEMASALAHAN KAJIAN:

Guna tenaga merupakan salah satu faktor yang penting dalam pertumbuhan ekonomi, malahan juga dapat membantu dalam pembangunan ekonomi. Oleh itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), wanita telah memberikan sumbangan yang ketara kepada pembangunan ekonomi di Malaysia. Berdasarkan Laporan Ekonomi yang di perolehi daripada Unit Perancang Ekonomi wanita merupakan 48 peratus daripada penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun.

Kini, isu penyertaan wanita yang berkahwin lebih tinggi daripada penyertaan wanita yang belum berkahwin. Merujuk daripada sumber yang diperolehi daripada Perangkaan tenaga buruh, Malaysia pada tahun 2006 jumlah tenaga buruh wanita yang belum berkahwin adalah 1264.2 ('000) orang berbanding jumlah tenaga buruh wanita yang berkahwin 2151.6 ('000) orang. Manakala pada tahun 2007 pula jumlah tenaga buruh wanita yang belum berkahwin adalah 1305.8 ('000) orang berbanding jumlah tenaga buruh wanita yang berkahwin 2221.6 ('000) orang.

**JADUAL 1.3 : JUMLAH TENAGA BURUH WANITA PADA TAHUN 2006 DAN 2007**

<b>Tahun</b>	<b>Taraf perkahwinan</b>	<b>Jumlah tenaga buruh wanita (' 000)</b>
2006	Belum berkahwin	1264.2
	Berkahwin	2151.6
2007	Belum berkahwin	1305.8
	Berkahwin	2221.6

Sumber: Jabatan Perangkaan tenaga buruh Malaysia tahun 2006 dan 2007

Faktor-faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin perlu dikenalpasti untuk menentukan penyertaan wanita berkahwin dalam kebarangkalian bekerja atau tidak bekerja. Selain itu kita ingin melihat sejauhmana pendapatan suami adalah dijangkakan boleh mempengaruhi penyertaan wanita dalam guna tenaga. Namun, penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan sering dibicarakan oleh setiap lapisan masyarakat adalah faktor-faktor yang mendorong penyertaan wanita berkahwin dalam pekerjaan.

Selain itu, kajian ini ingin mengkaji faktor-faktor yang mendorong penyertaan wanita yang berkahwin dalam sektor pekerjaan ialah faktor yang pertama adalah tahap pendidikan yang tinggi dicapai oleh wanita dan ini dapat lihat di universiti yang rata-ratanya adalah pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki. Faktor yang kedua adalah pendapatan suami. Wanita yang telah berkahwin lebih cenderung melibatkan diri dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan isi rumah yang tidak mencukupi untuk menyara keluarga lebih-lebih lagi apabila isu-isu ekonomi yang timbul baru-baru ini seperti kenaikan harga minyak. Isu kenaikan harga minyak yang mendadak pula begitu mencengkam ekonomi dunia kini ditambah pula dengan kekurangan bahan makanan yang juga melibatkan kenaikan harga komoditi yang seolah-olah hilang pengawalan. Kadar inflasi juga meningkat dan subsidi minyak yang kian bertambah juga akan menyumbang kepada kenaikan kadar tersebut. Kesannya, golongan berpendapatan rendah hidup kian tersepit dan kemampuan kewangan mereka kian terbatas. Sepatutnya kerajaan harus menimbangkan penarikan balik beberapa subsidi khususnya subsidi minyak dan makanan tetapi ia harus dibuat tanpa menjejaskan kesejahteraan kaum yang berpendapatan rendah. Isu kenaikan harga minyak juga telah menaikkan harga barang-barang keperluan terutamanya barang-barang yang berasaskan minyak. Oleh itu, isu-isu ini merupakan isu utama yang membawa kepada penglibatan wanita berkahwin dalam pekerjaan .

Berikutan daripada beberapa faktor di atas telah menggalakkan penyertaan wanita berkahwin untuk menceburi dalam pekerjaan di pengaruhi oleh pendapatan suami dan golongan Hawa lebih cenderung melibatkan diri dalam sektor pekerjaan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup keluarga mereka sendiri. Malah apabila



penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan meningkat kajian yang seterusnya adalah terhadap pembangunan ekonomi Malaysia. Sebelum ini terdapat banyak kajian yang telah dilakukan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan, tetapi kebanyakannya adalah berasaskan data-data diluar Negara dan merujuk kepada keadaan di luar Negara.

### **1.3 OBJEKTIF:**

Dalam kajian terbahagi dua objektif iaitu objektif umum dan objektif khusus.

Objektif umum:

Mengkaji faktor pendorong terhadap penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan.

Objektif khusus:

- 1) Menenalpasti faktor pendorong terhadap penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga
- 2) Menganalisis sejauhmana penyertaan wanita berkahwin dengan yang belum berkahwin dari segi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi

### **1.4 METODOLOGI KAJIAN:**

Kajian ini akan menggunakan data primer yang akan dikutip ke atas 100 wanita berkahwin lingkungan umur tenaga buruh ( 15-64 tahun). Data primer digunakan untuk mencapai objektif yang pertama iaitu menenalpasti faktor-faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga. Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan di negeri Johor. Analisis yang digunakan ialah Analisis Model Binary Logistik yang dianggarkan dengan White Heteroscedasticity-consistent estimator bagi mengambil kira masalah heteroskedastisiti yang selalu wujud dalam data.

Selain itu, kajian ini akan menggunakan data sekunder bagi bilangan penduduk (wanita) yang bekerja dan taraf perkahwinan, Malaysia dari tahun 1990 hingga 2007 yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Data sekunder ini digunakan untuk mencapai objektif yang kedua iaitu menganalisis sejauhmana penyertaan wanita berkahwin berkahwin dengan yang belum berkahwin dari segi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi. Data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun 1990 hingga tahun 2007. Data ini digunakan untuk melihat sumbangan wanita yang berkahwin dan wanita yang belum berkahwin terhadap pembangunan ekonomi.

Model kajian untuk penyertaan wanita berkahwin:

$$\log\left(\frac{ya = 1}{tidak = 0}\right) = \beta_0 + \beta x_1 + \beta x_2 + \beta x_3 + \beta x_4 + \beta x_5 + \beta x_6 + \beta x_7 + \beta x_8 + \beta x_9 + \varepsilon$$

Dimana:

PW = Penyertaan Wanita berkahwin atau nisbah kebarangkalian

X 1 = umur

X 2 = penyertaan wanita disebabkan pendapatan suami

X 3 = tahap pendidikan

X 4 = taraf perkahwinan

X 5 = taraf pekerjaan

X 6 = tempat tinggal

X 7 = bilangan isi rumah

X 8 = bilangan anak

X 9 = pendapatan suami

$\varepsilon$  = error term

Model kajian untuk penyertaan wanita berkahwin dengan belum berkahwin dari segi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi:

$$KDNK = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$$

Dimana:

KDNK = Keluaran Dalam Negara Kasar

X1 = Penyertaan wanita yang berkahwin dalam sektor pekerjaan

X2 = Penyertaan wanita yang belum berkahwin dalam sektor pekerjaan

Data yang telah dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The School Science, (SPSS).

## **1.5 SKOP KAJIAN :**

Skop kajian adalah tertumpu kepada wanita berkahwin atau pernah berkahwin di beberapa daerah negeri Johor seperti Kluang, Kulai dan Batu Pahat.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN:**

Kajian ini untuk meningkatkan penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga terutamanya dalam konteks negara sedang membangun. Kemampuan menarik lebih ramai wanita ke dalam guna tenaga seperti Malaysia boleh mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing. Selain itu, kajian ini dapat mengetahui penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan. Menyedari sumbangan wanita kepada pembangunan negara kerajaan telah membuka peluang pekerjaan kepada wanita tidak kira samaada yang telah berkahwin ataupun yang belum berkahwin.

Selain itu kajian ini juga dapat mengenalpasti sumbangan wanita berkahwin dalam sektor tertentu. Kajian ini juga dapat menentukan berapa ramai penyertaan wanita dalam sektor-sektor tertentu.

Kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sebagai penyokong bagi kajian yang sedia ada dimana kajian ini sudah lama dikaji. Walaubagaimanapun kajian ini boleh dijadikan panduan kepada wanita yang berkahwin dengan yang belum berkahwin samaada melibatkan diri dalam sektor pekerjaan adalah lebih baik berbanding tidak bekerja.

## **1.7 KESIMPULAN**

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan wanita berkahwin dalam tenaga kerja, tetapi kebanyakannya adalah berasaskan data-data di luar negara dan merujuk kepada keadaan di luar negara. Tambahan pula, data yang digunakan tidak dikutip khas untuk membuat kajian penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengumpulkan data penyertaan wanita bagi yang berkahwin atau pernah berkahwin dan mengkaji faktor- faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin terhadap kebarangkalian bekerja atau tidak bekerja dalam sektor pekerjaan serta menganalisis sumbangan penyertaan wanita berkahwin dan yang belum berkahwin terhadap pembangunan ekonomi. Selain itu kajian ini juga dijalankan bagi menyokong kajian yang sedia ada.

**JADUAL 1.4 : BILANGAN PENDUDUK YANG BEKERJA MENGIKUT PEKERJAAN DAN JANTINA, 2006**

Pekerjaan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Perempuan (% daripada jumlah perempuan yang bekerja)
Bilangan penduduk yang bekerja	10,275.4	6,618.6	3,656.8	100.0
Pengubah undang-undang, pegawai kanan dan pengurus	8 29.6	635.7	193.8	5.3
Profesional	5 65.9	314.9	251.0	6.9
Juruteknik & Profesional bersekutu	1,307.5	797.7	509.8	13.9
Pekerja pertanian	9 68. 3	289.7	678.6	18.6
Pekerja perkhidmatan, pekerja kedai & jurujual	1,597.1	888.5	708.6	19.4
Pekerja mahir perikanan & pertanian	1,335.9	993.4	342.5	9.4
Pekerja petukangan & kerja-kerja berkaitan	1,154.8	1,002.0	152.7	4.2
Operator loji & mesin serta pemasangan	1,408.0	1,004.4	403.6	11.0
Pekerjaan asas	1,108.4	692.3	416.1	11.4

Nota : Pekerjaan dikelaskan mengikut Piawai Pengelasan Pekerja Malaysia 1998

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 PENGENALAN**

Sejajar dengan kemajuan yang dicapai dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi, maka wanita di Malaysia juga turut dikatakan menjadi sebagai sumber insani dalam pembangunan yang mempunyai hak, kewajiban dan peluang yang sama dan setara dengan kaum lelaki dalam segala bidang kehidupan mahupun kegiatan-kegiatan pembangunan. Persepsi tentang kejayaan wanita ini menunjukkan bahawa kedudukannya dalam masyarakat dan peranannya dalam pembangunan perlu ditingkatkan sehingga dapat memberikan sumbangan yang lebih besar bagi pembangunan bangsa dan negara sesuai dengan kudrat, dan martabatnya sebagai wanita.

Apabila dikaitkan dengan keadaan masa kini, wanita ditonjolkan sebagai ibu dalam rumah tangga melayani anak-anak dan suami serta pada masa yang sama sebagai tenaga buruh yang banyak terlibat dalam sektor pekerjaan (Becker 1965). Situasi ini mencerminkan betapa besarnya pengorbanan yang disumbangkan wanita Malaysia dalam tenaga buruh walaupun sudah berkahwin. Persoalannya disini adakah perkahwinan menyebabkan penyertaan wanita berkahwin meningkat atau penyertaan wanita berkahwin berkurang dalam sektor pekerjaan. Oleh itu bagi membuktikan dan menyokong kajian ini beberapa kajian lepas digunakan untuk dijadikan rujukan .

## 2.1 PERANAN DAN FUNGSI KAUM WANITA DI MALAYSIA

Mengikut masyarakat tradisional, peranan kaum wanita adalah terhad kepada peranan pembantu (supporting role) kepada kaum lelaki. Hal ini dapat dilihat apabila mereka terlibat dalam pekerjaan sawah untuk membantu suami mereka seperti menyemai, mengubah dan menuai. Dalam membangunkan keluarga masing-masing, wanita zaman tradisional menjalankan tugas seperti mencucuk atap, membela ayam itik dan lain-lain sebagai membantu peranan lelaki yang lebih besar dan pokok dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Kebanyakan wanita yang lebih cenderung bekerja disebabkan pendapatan suami. Hal ini kadar upah suami amat penting dalam mengkaji kebarangkalian wanita bekerja atau tidak bekerja. Kenaikan kadar upah suami juga akan mengurangkan masa bekerja wanita di pasaran. (Rahmah 1996).

### 2.1.1 Bidang Politik

Dalam bidang politik dan pemerintahan status kaum wanita telah bertambah baik dan jika dilihat dalam perkembangan status mereka sama tinggi dengan lelaki. Ini dapat dilihat apabila kaum wanita diberikan hak mengundi seawal-awal usia penubuhan negara kita ini.

Hadis Nabi Muhammad s.a.w ada menjelaskan bahawa

"Tidak akan beroleh kemenangan suatu kaum yang melantik wanita menjadi ketua bagi menguruskan hal ehwal mereka".

Manakala aliran yang kedua pula adalah berpendapat wanita boleh berpolitik untuk pembangunan dan kemajuan negara dan umat keseluruhannya. Menurut sebahagian ulama wanita boleh berpolitik termasuk menjadi wakil rakyat sama ada di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen. Malah dalam sejarah sendiri telah tercatat bahawa khalifah Umar ibn Al khatab juga pernah mendapat nasihat dan teguran dalam melaksanakan undang-undang dan pentadbiran negara dari kaum muslimah pada masa zaman pemerintahan

khalifah. Ini menunjukkan peranan wanita dalam pembangunan sesebuah negara adalah tidak boleh disisihkan dan diketepikan.

Di Malaysia khususnya apabila kaum wanita terutama kaum wanita melibatkan diri di dalam bidang politik untuk sama-sama membangunkan negara maka akan terdengar pelbagai pandangan akan penglibatan mereka. Maka timbulah pelbagai persoalan dari penglibatan mereka dalam politik seperti sejauhmanakah Islam membenarkan kaum muslimah bergerak cergas dalam arena politik ? Bolehkah seseorang muslimah bertanding untuk menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen ? Adakah Islam merestui wanita dilantik menjadi Perdana Menteri sebagaimana yang berlaku di setengah-setengah negara hari ini seperti Pakistan. Namun, kini jelas menunjukkan bahawa negara kita wanita sudah ramai yang lebih cenderung dalam bidang politik seperti Menteri Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Faizah Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Ng Yen Yen; Pengarah Eksekutif Dana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Wanita (UNIFEM), Dr. Noeleen Heyzer; Pengarang dotcomdivas.net, Elizabeth Carlassare; Pengasas Lamin Dana, Sarawak, Diana Rose dan Pengarah Urusan Salt Media, Consultancy, Datin Rose Ismail ( KPWKM Jumaat, 24 Oktober) .

### **2.1.2 Bidang Ekonomi**

Dalam bidang ekonomi, adalah bidang yang sudah diterokai oleh kaum wanita dan di mana kaum lelaki agak bersikap liberal dalam memberi peluang kepada penyertaan wanita.

Pada masa dahulu peranan dan fungsi kaum wanita dalam bidang ini amat terbatas dan jumlah wanita yang bekerja dalam perkhidmatan kerajaan mahupun swasta semakin bertambah dan begitu juga pembahagian pendapatan. Walaupun jumlah pekerja-pekerja wanita ramai, hampir keseluruhannya termasuk pada peringkat pekerja-pekerja kurang



mahir mendapat jumlah gaji yang kecil sahaja. Kerajaan juga telah mengambil langkah memberikan bayaran gaji yang sama rata kepada pekerja lelaki dan wanita bagi jawatan yang sama, namun langkah itu tidak diambil oleh pihak swasta. Pada amnya, data perbezaan pendapatan antara pekerja lelaki dan wanita dalam sektor swasta amat sedikit dan secara kasar sahaja.

Beberapa statistik boleh didapati. Laporan Bayangan tentang Konvensyen Bagi Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia menunjukkan bahawa dalam sektor elektronik, beza pendapatan antara lelaki dan wanita adalah wanita berpendapatan 92.5 peratus dari pekerja lelaki pada tahun 1993. Ini amatlah menggalakkan kerana terdapatnya pengurangan dalam jurang perbezaannya yakni 82.7 peratus pada tahun 1990. (Laporan Bayangan Kumpulan Badan Bukan Kerajaan, 2004)

Walaupun bagaimanapun, laporan yang lain pula menunjukkan bahawa pada tahun 1997, pekerja wanita dalam industri perkilangan Malaysia hanya memperoleh pendapatan 58 peratus daripada jumlah pendapatan iaitu pekerja lelaki sama rata kepada pekerja lelaki dan wanita bagi jawatan yang sama (Hortreiter, 2001). Jika dibandingkan dengan lelaki, kebanyakan wanita menjawat pekerjaan berkemahiran rendah atau bekerja dalam sektor tidak formal. Walaupun terdapat kemajuan dari segi bilangan iaitu lebih ramai wanita menjawat jawatan profesional dan pengurusan, tetapi masih wujud juga had sekatan yang tidak dapat ditembusi oleh wanita. Merujuk kepada Jadual 1, sebahagian besar wanita bekerja adalah golongan pekerja bawahan dan sedikit sahaja yang menjadi majikan jika dibandingkan dengan rakan sejawat lelaki.

**JADUAL 2.1 : BILANGAN PENDUDUK YANG BEKERJA MENGIKUT STATUS PEKERJAAN DAN GENDER, MALAYSIA 2001('000)**

Status Pekerjaan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Jumlah	9,535.0	6,212.0	3,323.0
Majikan	304.9	269.9	36.0
Pekerja	7,155.1	4,619.4	2,535.7
Bekerja sendiri	1573.7	1,171.6	402.1
Pekerja keluarga tidak berbayar	501.3	152.0	349.2

Sumber: Laporan Bayangan Kumpulan Pertubuhan Bukan Kerajaan, 2004 (2004, ms. 42)

Perbezaan pendapatan ini bukanlah satu-satunya bentuk diskriminasi terhadap wanita. Umur persaraan dan gangguan seksual di tempat kerja juga merupakan isu-isu yang harus dihadapi oleh kaum wanita. Walaupun lelaki dan wanita bersara pada umur 58 tahun dalam sektor awam, namun ini berbeza dalam sektor swasta. Fasal 33.1 Perjanjian Kolektif JG Containers (M) Sdn. Bhd. menyatakan bahawa "semua pekerja lelaki hendaklah bersara apabila mencapai umur lima puluh lima (55) tahun, dan pekerja wanita hendaklah bersara apabila mencapai umur lima puluh (50) tahun." Pernyataan dipetik daripada Kesatuan Pekerja Non-Metallic Mineral Products Manufacturing. Kajian yang dibuat oleh All Women's Action Society (AWAM) dan Women's Development Collective (WDC) mendapati bahawa 35 peratus daripada 1,483 responden yang bekerja dalam enam syarikat perintis mengalami satu atau lebih bentuk gangguan seksual di tempat kerja mereka. ( Ng, Cecilia, Zanariah Mohd Nor, Maria Chin Abdullah (2003). *A Pioneering Step: Sexual Harassment and the Code of Practice in Malaysia*. Women's Development Collective, Petaling Jaya). Gangguan seksual ditafsirkan sebagai perlakuan seksual yang tidak diingini dan tidak boleh diterima, mengakibatkan kepada persekitaran tempat kerja yang tidak selesa. Daripada responden tersebut, lebih ramai wanita daripada lelaki yang mengalami pelbagai bentuk gangguan seksual.

Selain itu, ekonomi adalah sesuatu penting dalam sesebuah negara. Namun jatuh dan banggunya sesebuah negara bergantung kepada kepesatan ekonomi negara itu sendiri. Wanita pula telah memainkan peranan yang besar dalam aktiviti ekonomi melalui peranannya yang produktif dan reproduktif. Penglibatan wanita dalam ekonomi telah meningkat tetapi malangnya kebanyakan penglibatan wanita dalam ekonomi masih di bawah nilai sebenar, kerana pekerjaan wanita tidak mudah diukur dari pengumpulan data secara sistem tradisional. Jumlah wanita yang layak bekerja (antara 15-64 tahun) didapati 46 peratus terlibat sebagai tenaga buruh manakala 65 peratus wanita daripadanya pula adalah mereka yang tinggal dalam negara-negara yang sedang membangun. Fakta ini membuktikan bahawa sumbangan wanita terhadap ekonomi sesebuah negara adalah besar. Sumbangan dan peranan wanita dalam ekonomi negara terbahagi kepada dua iaitu pekerjaan formal dan kerja tidak formal.

Di Malaysia wanita yang memegang jawatan tinggi dalam organisasi hanya lima peratus ( Dewan Ekonomi 1994). Penglibatan wanita dalam menyumbang ke arah ekonomi bukannya hanya melalui pekerjaan formal tetapi juga melalui pekerjaan tidak formal. Wanita terlibat dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk pasaran dan kegunaan seharian, dalam pertanian, dan juga pengeluaran makanan. Kajian di Terengganu mendapati bahawa penyertaan wanita dalam industri kraftangan juga meningkat tetapi apabila mempunyai anak –anak yang berumur kurang enam tahun penglibatan wanita berkurangan ( Rahmah Ismail 1996).

## **2.2 PERANAN WANITA DALAM KELUARGA**

Kini perubahan telah berlaku terhadap peranan wanita dalam keluarga yang menganggap wanita hanya sebagai isteri di dalam rumahtangga moden hari ini. Secara tradisional peranan isteri adalah untuk mentadbir hal-ehwal rumahtangga dan keluarga tetapi dengan timbulnya cara hidup baru berlakulah perubahan tertentu yang meluaskan lagi peranan para isteri. Peranan wanita sebagai pengurus rumahtangga telah mengalami perubahan dengan adanya bantuan dari orang gaji, pengetahuan sains dan teknologi yang telah

mencipta pelbagai perkakas rumahtangga untuk memudahkan kerja-kerja mereka. Hari ini para isteri moden mempunyai tanggungjawab yang lebih besar terhadap kebajikan suami berbeza dengan masa dahulu. Mereka tidak lagi memegang peranan hanya sebagai tukang masak dan pengasuh kanak-kanak sahaja, malah mereka harus pada waktu yang sama menjadi penyambut tetamu yang baik, setiausaha yang cekap, pengarah yang tegas dan menteri yang berkaliber dan sebagainya.

Menurut Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dalam simposium yang bertemakan "Wanita Alaf Baru Abad ke 21", wanita hari ini telah mempunyai imej dan tanggungjawab sosial yang berbeza sesuai dengan kehendak dan perubahan zaman. Disinilah peranan yang dimainkan oleh kaum ibu yang bergelar wanita adalah penting agar pembangunan dan kemakmuran negara dapat di majukan dengan baik tanpa mengorbankan pembangunan institusi keluarga kerana sekiranya diperhatikan dalam institusi keluarga, kaum ibulah yang paling rapat dengan anak-anak dan sumbangan mereka dalam melahirkan generasi yang berpekeriti mulia banyak terletak ditangan mereka. Menurut Dr. Muhammad Nur Munaty, Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM), yang mengatakan tugas dan peranan ibu adalah penting dalam menghalang anasir dan unsur yang cuba untuk mempengaruhi pemikiran dan budaya anak-anak.

Sekiranya diteliti peranan wanita sebagai ibu dalam sistem kekeluargaan bukanlah semata-mata untuk menjaga makan-minum, kesihatan dan keselesaan hidup anak-anak tetapi juga yang terpenting ialah untuk mendidik, mengasuh dan membimbing. Ini kerana kesan kepada didikan pada anak-anak itu akan memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Sesungguhnya watak, keperibadian anak-anak terletak sebahagian besar di atas isi dan cara pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa.

Rasullullah s.a.w dalam hadisnya mengatakan;

" Tiap-tiap anak Adam itu di lahirkan dalam keadaan fitrah sehingga kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikannya seorang Nasrani, Yahudi ataupun Majusi"

(Al-Hadis).

Bagi menentukan pembentukan anak-anak adalah yang terbaik dalam keluarga, banyak kaum wanita sanggup mengenyahkan kerjaya mereka bagi menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga. Dengan ini tidak hairanlah fakta yang menunjukkan peningkatan bilangan ibu yang berhenti kerja untuk menjadi pengasuh sepenuhnya di dalam keluarga adalah bertambah dari masa ke semasa terutamanya bagi keluarga yang mempunyai anak lebih dari 2 orang. Kajian oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) yang dilakukan ke atas 3,000 ibu-ibu bekerja mendapati 13.5 peratus daripada mereka menghadapi masalah penjagaan anak. Daripada jumlah tersebut 68 peratus daripada mereka yang menghadapi masalah berkenaan akan berhenti kerja jika tidak dapat mengatasinya. Kesan bilangan anak ke atas guna tenaga wanita memang merupakan fokus dalam bidang kajian ekonomi buruh, khususnya penyertaan guna tenaga wanita berkahwin. Menurut model pemaksimuman utiliti yang dikemukakan oleh Becker( Becker 1965), mendapati bahawa wanita berkahwin dijangka rasional dan ingin memaksimumkan utiliti tertakluk kepada kekangan masa, pendapatan wang, dan fungsi pengeluaran. Selain itu, kehadiran anak dijangka meningkatkan kos lepas bekerja wanita berkahwin, iaitu menurunkan insentif untuk bekerja. Penyertaan buruh wanita yang belum berkahwin dan sudah berkahwin tetapi tiada anak, adalah lebih tinggi daripada mereka yang berkahwin dan mempunyai anak.(Nakamura & Nakamura 1994).

Apabila menjangkau umur 30 tahun, lebih kurang 16 peratus wanita meninggalkan pekerjaan mereka. Oleh itu, adalah mudah untuk menganggap bahawa perkahwinan dan keluarga adalah faktor penimbang utama dalam pengambilan pekerja wanita. Penyiasatan Tenaga Buruh 2003 mendedahkan 70 peratus wanita menyebut "kerja rumah" sebagai alasan utama untuk tidak bekerja. Menurut satu lagi kajian oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang penggunaan masa,

wanita melakukan 75 peratus daripada kerja-kerja rumah seperti menjaga anak-anak, memasak dan mengemas rumah(Bernama, 8 Ogos 2005). Hal ini mungkin di sebabkan kesan bilangan anak akan meliputi kos penjagaan anak. Misalnya kajian yang telah dilakukan oleh Kimmel(1997), Powell(1997) dan Conelly(1991) yang mengukur kesan kos penjagaan anak terhadap kebarangkalian bekerja atau tidak. Kajian ini menggunakan model probit atau logit dan kajian ini telah menghadkan kesan kos penjagaan anak dan bilangan anak kepada bekerja dan tidak bekerja.

Namun, ada juga yang bekerja untuk menambahkan pendapatan isirumah dan membantu suami menampung perbelanjaan keluarga. Hal ini dapat dibuktikan wanita yang berkahwin yang berkerja lebih tinggi daripada wanita yang belum berkahwin dan hasil ke atas purata yang diperolehi ialah lebih 53% daripada wanita yang belum berkahwin.( Kwabena A.Anaman dan Hartinie M.Kassim 2005). Kajian mendapati bahawa faktor utama wanita Muslim lebih cenderung melibatkan diri dalam guna tenaga adalah disebabkan pendapatan suami. (Grossbard-Shechtman dan Neuman,2005)

### **2.3 PERKAHWINAN DAN PENYERTAAN WANITA BERKAHWIN**

Faktor utama yang ditentukan ialah umur, jumlah bilangan anak terhadap kedudukan pekerjaan, darjah penjelasan terhadap perpindahan buruh, dan tahap pendidikan wanita yang berkahwin dan belum berkahwin dalam pasaran buruh. Faktor utama yang mempengaruhi wanita berkahwin bekerja ialah jumlah anak yang di bawah umur 18 tahun. Kecenderungan bekerja yang tinggi juga akan menyebabkan pengurangan dalam bilangan anak. Selain itu, pendapatan wanita bekerja ditentukan mengikut tahap pendidikan, pengalaman bekerja dan status. (Kwabena A.Anaman dan Hartinie M.Kassim,2005).

Bagi wanita yang telah berkahwin faktor yang mempengaruhi nilai masa perkahwinan ialah pendapatan suami, pengalaman bekerja, tahap pendidikan dan umur. Nilai ini akan berkurang dengan peningkatan umur wanita berkahwin tetapi meningkat

apabila pengalaman bekerja, tahap pendidikan dan pendapatan suami adalah tinggi. Bagi menilai kesan status perkahwinan ke atas penglibatan tenaga buruh wanita, pembolehubah yang digunakan adalah umur, taraf perkahwinan, penyertaan wanita berkahwin, taraf pendidikan dan kawasan bandar. (Jungmin Lee,2005).

## **2.4 FAKTOR-FAKTOR WANITA BEKERJA**

Selaras dengan perkembangan ekonomi dan kemajuan yang dicapai oleh negara pada masa kini, Terdapat banyak faktor yang menyebabkan wanita semakin ramai bekerja. Antaranya ialah:

### **2.4.1 Kewangan**

Wang adalah sangat penting untuk menyara kehidupan seharian. Tambahan pula ekonomi semakin tidak menentu dan harga barang-barang turut meningkat dari semasa ke semasa. Oleh itu, setiap individu turut merasa kekangan ekonomi yang dihadapi dan masing-masing berdepan dengan masalah kewangan, apatah lagi bagi mereka yang berkeluarga. Bagi seorang wanita yang sudah berkeluarga, mereka sudah tentu ingin bekerja semata-mata untuk mencari wang bagi membantu meringankan beban yang dihadapi oleh suami mereka. Biar pun jauh di sudut hati mereka, mereka tidak ingin berbuat demikian kerana selesa menguruskan rumahtangga semata-mata. Namun, disebabkan masalah kewangan yang dihadapi, mereka sanggup berkorban tenaga dan masa.

### **2.4.2 *Self-actualization***

Manusia mempunyai hierarki keperluan yang terdiri daripada keperluan asas, makanan, keselamatan, kasih sayang, dan self-actualization. Apa yang hendak difokuskan di sini ialah berkenaan self-actualization (Abraham Maslow 1968,1970). Maslow berpendapat, setiap manusia perlu memenuhi segala keperluan sebelum mencapai self-actualization. Self-actualization ini bermaksud kepuasan diri yang paling tinggi yang boleh dicapai oleh seseorang individu.

Seorang manusia akan merasai makna kehidupan itu apabila dapat mencapai kepuasan dalam hidupnya. Bagi mencapai kepuasan dalam hidup seorang wanita, salah satunya mereka perlu bekerja kerana kerjaya itu akan dapat membantu diri mereka menjadi lebih baik dan berkembang dari semasa ke semasa dari segi pengalaman, ilmu pengetahuan, kecekapan dan lain-lain. Apatah lag pada zaman sekarang, banyak peluang-peluang dibuka untuk para wanita berkecimpung dalam dunia pekerjaan baik swasta mahupun kerajaan.

#### 2.4.3 Keperluan Hubungan Sosial

Bagi sesetengah wanita yang sangat memerlukan hubungan sosial, mereka akan bekerja untuk membolehkan mereka menjalin hubungan dengan orang-orang di sekeliling mereka. Apabila mereka berada di tempat kerja, mereka mempunyai skop yang luas untuk berkomunikasi dan mempunyai ramai rakan-rakan sekerja. Ini membolehkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Bagi wanita yang sudah berumahtangga misalnya, mereka boleh berkongsi masalah yang dihadapi di rumah dengan rakan-rakan sekerja yang rapat. Hal ini akan dapat mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi kerana mereka ada tempat untuk bercerita. Oleh sebab itu, ramai wanita tidak sanggup untuk meninggalkan kerjaya mereka kerana berasa selesa dengan situasi sosial yang melingkungi diri mereka di tempat kerja berkenaan.

#### 2.4.4 Menyahut seruan kerajaan

Menerusi cetusan ideal Wawasan 2020, ternyata hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju begitu tinggi sekali. Oleh itu, pelbagai perubahan telah dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut. Kerajaan menyeru para wanita supaya menceburkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan untuk membantu membangunkan ekonomi negara. Kerajaan telah membuka banyak peluang-peluang pekerjaan kepada kaum wanita dengan tidak menghadkan peluang pekerjaan kepada wanita. Jika dulu, status pekerjaan antara lelaki dan wanita sangat tinggi bezanya tetapi kini, segalanya menjadi sama rata



di mana wanita juga turut sama menceburkan diri dalam bidang yang dikuasai oleh para lelaki ( Laporan Bayangan Kumpulan Badan Bukan Kerajaan, 2004). Contohnya, bidang kejuruteraan, mekanikal, pentadbiran negara, penerbangan dan sebagainya.

## **2.5 KESAN WANITA BEKERJA**

Secara amnya, sebahagian besar daripada rakyat Malaysia menerima dan menggalakkan penglibatan wanita di dalam tenaga kerja negara. Oleh yang demikian, kaum wanita di Malaysia berkesempatan bekerja menerusi pelbagai cara dan kapasiti, serta diwakili di dalam kebanyakan sektor ekonomi. Walaupun situasi ini memperlihatkan trend yang positif berhubungan dengan kaum wanita dan kerja, namun kesan wanita bekerja boleh dilihat dari sudut pandangan positif dan juga negatif.

### **2.5.1 Kesan positif**

#### **I. Membantu ekonomi negara dan rumahtangga.**

Apabila wanita keluar bekerja, secara tidak langsung, mereka akan dapat menyalurkan sumbangan kepada negara dan juga rumahtangga. Bagi wanita yang sudah berkeluarga khususnya, mereka boleh membantu suami mereka dengan menambahkan pendapatan keluarga seterusnya tidak bergantung sepenuhnya kepada suami untuk mencari nafkah. Pendapatan yang datang daripada dua sumber semestinya lebih banyak dan ini akan memudahkan suami dan isteri menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada anak-anak mereka seperti makanan, pakaian, kesihatan dan lain-lain.

## II. Peningkatan harga diri dan pementapan identiti

Bagi seorang wanita yang mempunyai pekerjaan, mereka akan merasakan diri mereka mempunyai harga diri yang tinggi kerana mereka ada pendapatan sendiri dan tidak perlu bergantung dengan orang lain. Hal ini juga memungkinkan seseorang wanita itu menonjolkan diri mereka sendiri dengan cara yang kreatif dan produktif, demi menghasilkan sesuatu yang mendatangkan kebanggaan terhadap diri sendiri terutama jika prestasi kerjanya mendapat pengiktirafan. Mereka juga akan diberi balasan yang positif dan setimpal dengan hasil usaha mereka itu seperti elaun, kenaikan gaji, kenaikan jawatan dan lain-lain. Dengan bekerja juga, wanita akan berusaha mencapai apa yang dikehendaki dan pencapaian tersebut akan mendatangkan rasa percaya terhadap diri sendiri dan seterusnya mendatangkan kegembiraan dalam hidup mereka.

## III. Memenuhi keperluan sosial

Fitrah manusia memerlukan orang di sekeliling untuk bermasyarakat antara satu sama lain. Begitu juga wanita di mana mereka memerlukan hubungan sosial dengan rakan-rakan dan orang-orang sekeliling untuk bertukar cerita, berkongsi perasaan, berkongsi masalah, dan saling membantu antara satu sama lain. Selain itu, sosialisasi juga amat penting untuk mempunyai wawasan dan cara berfikir yang lebih luas, meningkatkan kemampuan untuk berempati atau peka dengan persekitaran, dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi di rumah, dengan suami dan anak-anak, dan juga tekanan di tempat kerja. Apabila bercerita dengan rakan-rakan, ia sudah tentu dapat mengurangkan bebanan kerja dan masalah-masalah lain yang membelenggu diri mereka.

## IV. Hubungan kekeluargaan yang sihat dan positif

Seorang wanita yang berkerjaya biasanya mempunyai pemikiran yang positif dan terbuka dalam banyak perkara. Hal ini mungkin disebabkan ruang lingkup mereka lebih luas jika dibandingkan dengan wanita yang tidak bekerja. Bagi wanita khususnya isteri yang bekerja, mereka akan lebih memahami situasi kesibukan

yang dialami oleh para suami kerana mereka juga turut berada dalam bidang pekerjaan yang menuntut banyak pengorbanan. Oleh itu, wanita tersebut boleh menjadi pasangan yang amat memahami, bertimbangrasi dari segi tanggungjawab terhadap anak-anak, bertukar pendapat dan pandangan dengan suami, dan saling menyokong antara satu sama lain. Persefahaman tersebut akan dapat mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dan hubungan antara suami dan isteri, serta anak-anak.

## 2.5.2 Kesan negatif

### I. Tekanan

Mengikut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan kali ke-2 pada tahun 1996, mendapati golongan wanita mencatatkan 1.5 kali ganda mengalami masalah tekanan mental berbanding lelaki. Kini, kita sudah mencapai abad ke-21 dan negara sudah semakin maju dan berkembang maka lebih banyak cabaran yang muncul. Mungkin lebih ramai lagi wanita yang menghadapi tekanan. Jika diteliti, antara faktor yang menyebabkan wanita menghadapi tekanan ialah bebanan kerja yang terpaksa dipikul sama ada di pejabat mahu pun di rumah. Sudah menjadi tanggungjawab seorang isteri khususnya untuk menguruskan rumahtangga. Oleh itu, jika isteri tersebut keluar bekerja dan kembalinya ke rumah, mereka juga perlu menguruskan anak-anak dan segala keperluan yang lain. Perkara tersebut semestinya mendatangkan tekanan pada mereka sekiranya mereka tidak pandai mengurus tekanan itu dengan sebaik mungkin. Selain itu, suami yang tidak memahami dan tidak membantu para isteri juga mendatangkan tekanan kepada wanita berkenaan.

### II. Tanggungjawab terhadap keluarga terabai

Pengurusan masa sangat penting bagi wanita yang berkerja. Apabila mereka berada dalam lapangan kerja, tidak dapat dinafikan kadang-kadang mereka menjadi alpa dan lupa pada tanggungjawab terhadap keluarga. Disebabkan terlalu sibuk dengan kerja, mereka tidak sempat memikirkan suami dan anak-anak yang sentiasa memerlukan mereka di sisi. Natiujahnya, rumahtangga akan menjadi

kucar-kacir dan berisiko berdepan dengan keruntuhan di mana banyak kes penceraian yang berlaku sekarang adalah berpunca daripada suami atau isteri yang tidak faham tentang tanggungjawab.

### III. Tidak berminat untuk berkahwin

Seorang wanita bujang yang mempunyai kerjaya dan pendapatan yang tetap biasanya memilih untuk hidup seorang diri dengan tidak mahu berkahwin. Bagi mereka, perkahwinan adalah satu perkara yang tidak menjadi perkara penting dalam hidup mereka kerana mereka sudah biasa hidup sendiri tanpa bergantung dengan orang lain. Mereka merasakan perkahwinan itu akan menyusahkan hidup mereka lagi dan akan menyekat kebebasan mereka untuk keluar bekerja di dalam daerah mahupun di luar daerah.

## 2.6 ULASAN KARYA

### 2.6.1 Marriage and female labour supply in Brunei Darussalam: A case study of urban women in Bandar Seri Begawan

Kajian ini ditulis pada tahun 2005 oleh Kwabena A. Anaman dan Hartinie M. Kassim. Kajian ini menganalisis hubungan antara perkahwinan dan penawaran tenaga buruh wanita di Bandar Seri Begawan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor pendorong penglibatan tenaga buruh wanita yang belum berkahwin dan wanita yang berkahwin dalam pasaran buruh. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan terhadap 151 wanita. Faktor-faktor yang ditentukan oleh penulis ialah umur, jumlah bilangan terhadap kedudukan pekerjaan, darjah penjelasan terhadap perpindahan buruh, dan tahap pendidikan wanita yang berkahwin dan belum berkahwin dalam pasaran buruh. Faktor utama yang mempengaruhi wanita berkahwin bekerja ialah jumlah anak yang di bawah umur 18 tahun. Kecenderungan bekerja yang tinggi juga akan menyebabkan pengurangan dalam bilangan anak. Selain itu, pendapatan wanita bekerja ditentukan mengikut tahap pendidikan, pengalaman bekerja dan status. Wanita yang berkahwin yang berkerja lebih

tinggi daripada wanita yang belum berkahwin dan hasil ke atas purata yang diperolehi ialah lebih 53% daripada wanita yang belum berkahwin. Faktor utama yang mempengaruhi nilai masa perkahwinan terhadap wanita berkahwin ialah pendapatan suami, pengalaman bekerja, tahap pendidikan dan umur. Nilai ini akan berkurang dengan peningkatan umur wanita berkahwin tetapi meningkat apabila pengalaman bekerja, tahap pendidikan dan pendapatan suami adalah tinggi.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah deskriptif terhadap tinjauan. Kaedah tinjauan adalah secara persampelan berstrata terhadap wanita berumur 18 tahun dan ke atas di Mukim Mentiri. Kajian dilakukan selama 6 bulan daripada September 2001 hingga Februari 2002. Model regresi tobit (Tobin 1958) digunakan untuk analisis faktor yang mempengaruhi penyertaan wanita yang berkahwin dan belum berkahwin dalam pasaran buruh dan menganalisis faktor yang mempengaruhi pendapatan.

Keputusan yang diperolehi daripada kajian ini ialah umur, taraf pekerjaan dan tahap pendidikan signifikan terhadap penglibatan wanita berkahwin dan belum berkahwin dalam pasaran buruh. Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin juga lebih cenderung daripada wanita belum berkahwin dalam sektor pekerjaan.

### **2.6.2 Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah: Kesan faktor agama, anak dan pendidikan**

Kajian ini ditulis oleh Lim Hock Eam, Zalina M.Mohaideen dan Norehan Abdullah pada tahun 2003. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan mengukur kesan agama, anak dan pendidikan terhadap penyertaan guna tenaga buruh wanita berkahwin di negeri Kedah. Negeri Kedah mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita terendah selepas Perlis (Laporan Penduduk Negeri Kedah 1991). Berdasarkan Banci Penduduk 1991, kadar penyertaan buruh wanita di Kedah hanyalah 36.9% berbanding seluruh Malaysia iaitu sebanyak 41.9%.

Kajian ini menggunakan data keratan rentas yang telah dikutip ke atas 826 wanita Kedah dalam lingkungan umur guna tenaga (15-64 tahun) pada tahun 2000. Reka bentuk persampelan adalah gabungan strata dan kelompok yang bersifat rawak. Penganggaran model dan interpretasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif mengenai responden kajian dan analisis kebarangkalian bekerja. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah faktor agama, faktor anak dan faktor tahap pendidikan. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah model kebarangkalian jenis probit.

Kajian ini mendapati pemboleh ubah agama tidak mempunyai kesan signifikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di negeri Kedah. Selain itu, didapati bahawa bilangan anak berumur kurang dari 6 tahun merupakan faktor yang penting dalam menentukan keputusan wanita berkahwin untuk menyertai tenaga buruh. Bagi faktor tahap pendidikan, kajian mendapati bahawa pendidikan tidak mempunyai kesan signifikan terhadap kebarangkalian bekerja secara sendiri. Melalui interaksi dengan pengalaman kerja, ia mempengaruhi kebarangkalian bekerja secara positif dan signifikan. Apabila mempunyai pengalaman kerja dan pendidikan berbanding dengan yang tidak pernah bersekolah, kebarangkalian bekerja adalah lebih tinggi.

### **2.6.3 Marriage, female labor supply, and Asian zodiacs**

Kajian ini di tulis oleh Jungmin Lee pada tahun 2005 from Department of Economics, Sam M. Walton College of Business, University of Arkansas. Objektif kajian ini adalah untuk menilai kesan status perkahwinan ke atas penglibatan tenaga buruh wanita.

Kajian ini menggunakan data keratan rentas yang dikutip ke atas 33,000 wanita yang berumur 15 tahun dan ke atas. Data yang dikutip setiap bulan dan kajian ini dijalankan selama 60 bulan antara 1998 hingga 2002. Pemboleh ubah yang digunakan adalah umur, taraf perkahwinan, penyertaan wanita berkahwin, taraf pendidikan dan kawasan bandar.

Kajian yang dijalankan menggunakan model kebarangkalian linear terhadap status perkahwinan, umur, tahun belajar dan kawasan tempat tinggal. Model predicted probability profile, untuk menilai tiga tingkat persekolahan yang berbeza. Kajian mengenai kesan perkahwinan terhadap penyertaan tenaga buruh wanita menggunakan penganggaran OLS.

Kajian ini mendapati hubungan antara isi rumah dan pembolehubah umur membenarkan profil umur terhadap kebarangkalian rawatan perkahwinan. Selain itu, kajian ini mendapati kebarangkalian umur terhadap perkahwinan dengan tahap pendidikan, umur mencapai signifikan selepas umur 26 tahun. Bagi kajian kesan perkahwinan terhadap penyertaan tenaga buruh wanita pula, kajian mendapati perkahwinan mempunyai signifikan yang menurun dan penyertaan wanita dalam tenaga buruh sebanyak 41%. Selain itu keputusan yang diperolehi menunjukkan wanita dan taraf perkahwinan adalah endogenus dan bersama-sama menentukan keputusan penawaran tenaga buruh.

#### **2.6.4 Kesan faktor anak ke atas penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah: Satu analisis model multinomial logit.**

Kajian ini ditulis oleh Lim Hock Eam dan Zalina M.Mohaideen dari Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia pada tahun 2003. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan mengukur kesan kos penjagaan anak serta bilangan anak dalam penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin mengikut status pekerjaan iaitu majikan, pekerja sendiri atau keluarga dan pekerja. Keanjalan penyertaan tenaga buruh iaitu mengikut status bekerja ke atas kos penjagaan anak juga di anggarka. Kajian ini bertujuan menilai sama ada “aggregation bias” wujud dalam mengagregatkan penyertaan tenaga buruh kepada bekerja atau tidak bekerja sahaja dan kesan tidak linear bilangan anak ke atas kebarangkalian bekerja juga dinilai.

Kajian ini menggunakan data keratan rentas yang telah di kutip ke atas 826 wanita Kedah dalam lingkungan umur tenaga buruh (15-64 tahun) pada tahun 1999. Reka bentuk persampelan adalah gabungan strata dan kelompok yang bersifat rawak. Kajian ini hanya tertumpu kepada wanita berkahwin atau pernah berkahwin, maka seramai 702 responden yang berkahwin menjadi sampel ini. Penganggaran model dan interpretasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif mengenai responden kajian dan analisis model multinomial logit ini dianggarkan dengan White Heteroscedasticity-consistent estimator bagi mengambil kira masalah heteroskedastisiti yang selalu wujud dalam data keratan rentas.. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah kesan bilangan anak dan kesan kos penjagaan anak.

Kajian ini mendapati bahawa kesan sut bilangan anak ke atas penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin berbeza mengikut peringkat umur. Kajian ini juga mendapati bahawa jumlah perbelanjaan selain pusat asuhan dan taman tadika mempunyai kesan negatif yang signifikan ke atas kebarangkalian bekerja sama ada majikan, pekerja keluarga atau sendiri dan pekerja. Kesimpulannya faktor anak memang mempunyai kesan yang signifikan terhadap penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin di Kedah. Kesan bilangan anak didapati mempunyai kesan sut negatif yang signifikan pada peringkat umur 0-1.4, dan 1.5-2.4 tahun. Kesan kos penjagaan anak, didapati bahawa kos atau perbelanjaan anak selain taman asuhan atau tadika mempunyai kesan negatif yang signifikan ke atas kebarangkalian bekerja sama ada sebagai majikan, , pekerja keluarga atau sendiri dan pekerja.

#### **2.6.5 Women's labor force participation and marriage: The case of Korea**

Kajian ini ditulis pada tahun 2008 oleh Bun Song Lee, Soomyung Jang dan Jayanta Sarkar. Objektif kajian ini adalah mengkaji hubungan antara taraf perkahwinan dan penyertaan tenaga buruh wanita di Korea dan membuktikan perkahwinan adalah halangan utama terhadap wanita Korea dalam pekerjaan. Pemboleh ubah yang digunakan



ialah taraf perkahwinan dan tahap pendidikan. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah model ekonometrik iaitu model probit.

Kajian mendapati kebarangkalian tenaga buruh wanita berkahwin adalah rendah berbanding wanita yang belum berkahwin. Bagi tahap pendidikan, nilai coefficients terbahagi kepada dua iaitu positif bagi yang belum berkahwin dan negatif bagi yang sudah berkahwin. Kesan kepada dua pembolehubah demografik mendapati kesan perbezaan antara wanita yang sudah berkahwin dengan wanita yang belum berkahwin. Migrasi mempunyai signifikan yang tinggi terhadap penyertaan wanita yang belum berkahwin manakala bagi wanita yang sudah berkahwin mempunyai signifikan yang kecil terhadap penyertaan tenaga buruh. Kesan terhadap syarat pasaran buruh terhadap penyertaan tenaga buruh wanita disebabkan taraf perkahwinan. Kajian mendapati kebarangkalian peningkatan dalam kadar pengangguran adalah disebabkan wanita yang sudah berkahwin.

#### **2.6.6 Trends in women's labor force participation in Australia: 1984–2002**

Kajian ini ditulis pada tahun 2008 oleh M.D.R. Evans dan Jonathan Kelley daripada Departments of Sociology and Resource Economics, University of Nevada-Reno. Objektif kajian ini untuk menganalisis penyertaan wanita di Australia.

Kajian ini menggunakan sumber data daripada IsssA-Pool (the pooled cross-sections of the International Social Science Surveys). Kajian ini menggunakan model Multivariate analysis, model ekonometrik iaitu kesahan "Test-retest reliability" dan model asas. Pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini adalah masa, latarbelakang keluarga, kesan terhadap tahap pendidikan, kesan terhadap taraf perkahwinan dan kesan terhadap konteks keluarga.

Kajian ini mendapati latar belakang keluarga memberi kesan kepada masa membayar pekerja dan penyertaan tenaga buruh. Pendidikan pula meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Analisis ini menunjukkan kesan terhadap pendidikan tidak mempunyai signifikan antara wanita yang muda dan yang tua. Selain itu, pendapatan suami dan pekerjaan suami mempunyai signifikan dan menyebabkan penyertaan isteri dalam tenaga buruh.

#### **2.6.7 Variation in labor market participation of married women in Turkey**

Kajian ini ditulis pada 2008 oleh Ayşe Gündüz-Hoşgör dari Middle East Technical University, Ankara, Turkey, Jeroen Smits dari Radboud University, Nijmegen, The Netherlands. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perubahan dalam taraf pekerjaan dan kedudukan pekerjaan terhadap wanita Turki.

Kajian ini menggunakan data “Turkish Demographic” dan “Health Survey” tahun 1998. Data juga dikutip secara sampel yang mewakili semua wanita di Turki yang berumur 15 tahun hingga 49 tahun. Data untuk suami bagi wanita berkahwin juga diperlukan bagi menganalisis halangan penyertaan wanita berkahwin.

Kajian ini menggunakan model “bivariate cross tabulations and multivariate logistic regression analyses” untuk mengkaji kesan suri rumah terhadap kedudukan pasaran buruh. Pembolehubah yang di kaji dalam kajian ini ialah umur wanita, ciri geografik seperti kawasan atau urbanisasi, status migrasi dan faktor sosiobudaya. Kajian ini mendapati penyertaan tenaga buruh wanita di Turki adalah rendah. Selain itu, analisis terhadap tahap pendidikan adalah faktor utama yang mempengaruhi pasaran tenaga buruh. Tahap pendidikan suami juga memainkan peranan dalam penyertaan wanita berkahwin dalam tenaga buruh.

### **2.6.8 The career and family choices of women:A dynamic analysis of labor force participation, schooling, marriage, and fertility decisions.**

Kajian ini ditulis pada tahun 2007 oleh Michelle Sheran University of North Carolina at Greensboro, Department of Economics. Objektif kajian ini adalah menganggar dinamik, model struktur penyertaan wanita dalam tenaga buruh, tahap pendidikan, taraf perkahwinan dan fertiliti.

Data yang digunakan dalam kajian ini daripada National Longitudinal Survey of Youth (NLSY). Seramai 12,686 sampel lelaki dan wanita yang berumur 14 hingga 21 ditemuramah pada tahun 1979. Kajian ini menggunakan model ekonomi untuk mengkaji halangan masalah utiliti maksimum kepada semua wanita.

Kajian yang diperolehi daripada kajian ini penganggaran terhadap model yang mengukur kerjaya dan keputusan keluarga terhadap wanita mempunyai signifikan tetapi bergantung kepada ciri bangsa, agama, umur dan AFQT yang kuat bergantung kepada bilangan anak.

## **2.7 KESIMPULAN**

Bagi mengatasi masalah ini memang tidak dapat dinafikan kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membantu wanita membina kerjaya sehingga berjaya menjawat jawatan penting. Kerajaan sedar wanita yang bekerja menghadapi banyak cabaran kerana perlu memainkan dua peranan iaitu sebagai suri rumah tangga serta pekerja. Usaha kerajaan memperkenalkan dasar sekurang-sekurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam pada tahun 2004 telah mula menampakkan hasilnya. Walaupun kadar penyertaan wanita yang memegang jawatan penting masih jauh ketinggalan berbanding lelaki dan banyak lagi usaha perlu dilaksanakan untuk mencapai sasaran, tetapi ia telah menunjukkan perkembangan yang amat positif khususnya dalam

bidang-bidang yang sebelum ini hanya diterajui oleh kaum lelaki ( Sidang Kemuncak Wanita 2006).

Bagi menggalakkan wanita yang telah berkahwin, pihak kerajaan perlu membantu menyediakan lebih banyak kemudahan pusat jagaan anak dengan kos yang lebih rendah. Selaras dengan hasrat negara menuju Wawasan 2020, penyertaan tinggi kaum wanita dalam guna tenaga amat digalakkan. Umpamanya, bagi membantu keluarga yang berpendapatan rendah, kerajaan telah bersetuju menubuhkan taman asuhan kanak-kanak berasaskan komuniti (community-based childcare centre) TASKA komuniti pada tahun 2005. Kerajaan juga menggalakkan Kementerian atau Jabatan menubuhkan TASKA di tempat kerja dengan menyediakan pelbagai insentif. Bagi menjamin kualiti pengasuhan kanak-kanak tidak diabaikan, usaha memperkemas aspek pengurusan dan pemantauan pusat penjagaan kanak-kanak sedang dibuat melalui pindaan keatas Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

Rancangan Malaysia Ke-9 juga memberi penekanan kepada usaha untuk mempertingkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Beberapa teras strategik telah digariskan bagi mengelakkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Antara strategi yang akan terus dilaksanakan termasuk meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan bagi membolehkan wanita menyertai pasaran pekerjaan seperti penyediaan peraturan kerja yang kondusif, mewujudkan peraturan kerja baru dan fleksibel seperti telekerja, kerja sambilan dan perkongsian kerja. Strategi ini diharap dapat membantu wanita untuk terus kekal dalam pasaran pekerjaan. Pihak kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mencapai kesaksamaan gender dalam bidang pekerjaan, termasuklah melalui penguatkuasaan undang-undang.

Begitu juga dengan kemudahan pengangkutan, faedah penjagaan kesihatan kepada semua pekerja. Tambahan lagi, Lembaga Hasil Dalam Negeri memperkenalkan peruntukan-peruntukan pelepasan cukai dan insentif kepada majikan yang menyediakan pusat penjagaan anak berdekatan dengan tempat kerja (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2004 m/s86). Mengiktiraf peranan reproduktif wanita,

baru-baru ini kerajaan telah membenarkan suami membuat caruman pada kadar RM50-RM500 ke dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atas nama isteri mereka. Pada bulan Ogos 2005, Perdana Menteri juga mengisytiharkan bahawa kerajaan akan menyediakan bantuan dana sebanyak RM1.9 juta untuk membina 10 pusat penjagaan anak di negara ini. Tujuannya supaya pusat penjagaan anak yang berkualiti boleh dinikmati oleh golongan yang berpendapatan rendah.

**JADUAL 2.2: BILANGAN TENAGA BURUH MENGIKUT TARAF PERKAHWINAN, STRATA DAN JANTINA, MALAYSIA, 2004**

Taraf perkahwinan (*)	Jumlah			Bandar			Luar Bandar		
	Jumlah	Jumlah		Jumlah	Jumlah		Jumlah	Jumlah	
		Lelaki	Perempuan		Lelaki	Perempuan		Lelaki	Perempuan
Jumlah	10,353.5	6,622.3	3,731.3	6,656.5	4,163.4	2,493.2	3,697.0	2,458.9	1,238.1
Belum pernah kahwin	3,547.5	2,242.7	1,304.8	2,373.2	1,422.0	951.2	1,174.2	820.7	353.5
Berkahwin	6,460.5	4,294.3	2,166.2	4,078.7	2,691.7	1,387.0	2,381.8	1,602.6	779.2
Balu/duda	205.6	159.8	45.8	112.0	25.0	87.0	93.5	20.8	72.7
Bercerai/berpisah	139.4	39.4	100.0	92.4	24.7	67.7	47.1	14.8	32.3

Angka taraf perkahwinan (\*) "tidak diketahui" tidak ditunjukkan kerana bilangannya kecil  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Kajian ini akan menggunakan data primer yang akan dikutip ke atas 100 wanita berkahwin atau pernah berkahwin antara lingkungan umur tenaga buruh ( 18-64 tahun) pada tahun 2008. Reka bentuk persampelan adalah gabungan strata dan kelompok yang bersifat rawak.

Kajian ini juga menggunakan data primer untuk mencapai objektif iaitu mengenalpasti faktor-faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam guna tenaga. Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan di beberapa daerah di negeri Johor. Daerah yang dipilih untuk pengumpulan data adalah daerah Kluang, Batu Pahat, Kulai dan Johor Bahru.

## 3.2 METODOLOGI

Memandangkan kajian ini adalah tertumpu kepada wanita berkahwin atau pernah berkahwin, hanya seramai 100 responden di jadikan sampel kajian ini. Selain itu bilangan anak juga dikaji dalam kajian ini. Definisi anak yang dikaji juga adalah termasuk anak angkat atau anak tiri yang berada di bawah tanggungan responden.

Proses penganggaran kebarangkalian seorang wanita itu menyertai sektor pekerjaan melibatkan cerapan pemboleh ubah bersandar yang berbentuk dikotomos, iaitu sama ada bekerja atau tidak. Maka Model kebarangkalian yang menggunakan kaedah penganggaran kebolehjadian maksimum adalah lebih sesuai. Sehubungan itu, model kebarangkalian jenis logit adalah dipilih dalam kajian ini.

### 3.2.1 Model Binary Logistik

Model Binary Logistik digunakan kerana pembolehubah bersandar dalam model ini bersifat dikotomos. Contohnya seorang wanita bekerja di luar rumah atau tidak dan seorang pekerja memiliki rumah sendiri atau dia tinggal dirumah sewa. Model ini digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembolehubah bersandar.

Model logistik ini diasaskan pada fungsi kebarangkalian logistik kumulatif yang boleh dinyatakan seperti berikut: (Pindyck dan Rubinfeld, 1991)

$$P_i = F(Z_i) = F(\alpha + \beta X_i) = \frac{1}{1 + e^{-z_i}} = \frac{1}{1 + e^{-(\alpha + \beta X_i)}}$$

Dalam bentuk ini,  $e$  mewakili asas logaritma jati,  $P_i$  ialah kebarangkalian seseorang individu membuat sesuatu keputusan seperti ( $Y_a = 1$ , Tidak = 0),  $X_i$  adalah pembolehubah bebas dalam model yang dibentuk.



Darabkan kedua-dua sisi persamaan ini dengan  $(1 + e^{-z_i})$  dan akan memperoleh persamaan berikut:

$$(1 + e^{-z_i})P_i = 1$$

Bahagikan dengan  $P_i$  dan menolak 1 daripadanya dan persamaan baru akan wujud seperti di bawah:

$$e^{-z_i} = \frac{1}{P_i} - 1 = \frac{1 - P_i}{P_i}$$

Menurut definisi  $e^{-z_i} = \frac{1}{e^{z_i}}$ . Oleh itu persamaan yang wujud:

$$e^{z_i} = \frac{P_i}{1 - P_i}$$

Apabila mengambil kira logaritma jati kedua-dua belah persamaan di atas seperti:

$$Z_i = \log \left[ \frac{P_i}{1 - P_i} \right]$$

$$\text{Oleh itu } Z_i = \beta X, \text{ maka : } \log \left( \frac{P_i}{1 - P_i} \right) = Z_i = \beta X$$

Model logistik ini boleh juga ditulis sebagai:  $p(y=1) = \frac{e^{\beta x}}{1 + e^{\beta x}}$  dengan pembolehubah

bersandar ialah kebarangkalian memberi jawapan "Ya" kepada soalan yang dikaji. Oleh itu lebih mudah menggunakan model logit kerana ia bersifat linear.

Jika model mengandungi lebih daripada satu pembolehubah bebas, maka:

$$\log \left( \frac{P_i}{1 - P_i} \right) = Z_i = \beta_1 X_1 + \dots + \beta_k X_k$$

dengan  $P_i$  ialah kebarangkalian responden menjawab "Ya",  $X_i$  adalah beberapa pembolehubah bebas yang dipilih. Bagi menganalisis pembolehubah bersandar pembolehubah bersandar ( $Y_a = 1$ , Tidak = 0).

### **3.2.2 Analisis Diskriptif**

Analisis diskriptif digunakan untuk mengkaji latar belakang responden. Pembolehubah penyertaan guna tenaga, pekerjaan, pendidikan, umur, tempat tinggal, bilangan isi rumah, tanggungan, jantina dan bangsa. Selain itu faktor-faktor yang menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan pendapat mengenai kebaikan dan keburukan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan menggunakan analisis diskriptif.

### **3.2.3 Analisis Kebarangkalian Bekerja**

Apabila menggunakan data keratan rentas, heteroskedastisiti memang merupakan suatu masalah dalam penganggaran model. Kewujudan heteroskedastisiti tidak menjejaskan penganggar yang diperoleh untuk menjadi penganggar yang tidak bias (Unbiased) tetapi ia menjejaskan penganggar ini untuk menjadi penganggar yang terbaik (Best), iaitu mempunyai varian yang minimum. Oleh kerana varian penganggar tersebut menjadi besar, darjah ketepatannya akan menjadi lemah. Satu-satu nilai penganggar yang diperoleh daripada satu-satu sampel akan mempunyai variasi yang besar dan sukar untuk mengatakan nilai ini boleh memberikan penganggaran yang tepat kepada parameter yang dianggarkan. Bagi mengatasi masalah ini, model ini akan dianggarkan dengan menggunakan "White Heteroscedasticity-consistent variances, iaitu heteroscedasticity-robust estimator.

### 3.2.4 Model Kajian

Kajian ini menggunakan model dibawah bagi mengkaji faktor-faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan. Model ini juga digunakan untuk mencapai objektif yang pertama.

$$\log\left(\frac{ya = 1}{tidak = 0}\right) = \beta_0 + \beta x_1 + \beta x_2 + \beta x_3 + \beta x_4 + \beta x_5 + \beta x_6 + \beta x_7 + \beta x_8 + \beta x_9 + \varepsilon$$

Dimana:

PW = Penyertaan Wanita berkahwin atau nisbah kebarangkalian

X 1 = umur

X 2 = penyertaan wanita disebabkan pendapatan suami

X 3 = tahap pendidikan

X 4 = taraf perkahwinan

X 5 = taraf pekerjaan

X 6 = tempat tinggal

X 7 = bilangan isi rumah

X 8 = bilangan anak

X 9 = pendapatan suami

$\varepsilon$  = error term

Model yang dibentuk dapat menerangkan hubungan di antara penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dengan faktor-faktor pendorong wanita lebih cenderung melibatkan diri dalam sektor pekerjaan. Penyertaan wanita mewakili samaada mereka bekerja atau tidak bekerja. Kajian ini menggunakan jenis pembolehubah patung. Pembolehubah patung yang digunakan untuk mewakili pembolehubah yang bersifat kualitatif, iaitu:

0 = tidak bekerja dan 1 = bekerja

Kajian ini juga mengkaji pembolehubah faktor suami iaitu pendapatan suami. Pendapatan suami diukur dalam ukuran ringgit Malaysia (RM) bagi sebulan. Taraf perkahwinan dan taraf pekerjaan juga menggunakan pembolehubah patung yang dikategorikan. Pembolehubah anak dibawah umur 18 tahun juga boleh mempengaruhi kebarangkalian bekerja wanita berkahwin. Maklumat anak dan tanggungan penting dalam mempengaruhi keputusan wanita berkahwin atau pernah berkahwin untuk bekerja atau tidak bekerja.

Model kajian untuk penyertaan wanita berkahwin dengan belum berkahwin dari segi sumbangan terhadap pembangunan ekonomi:

$$KDNK = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$$

Dimana:

KDNK = Keluaran Dalam Negara Kasar

X1 = Penyertaan wanita yang belum berkahwin dalam sektor pekerjaan

X2 = Penyertaan wanita yang berkahwin dalam sektor pekerjaan

Model yang dibentuk dapat menerangkan hubungan antara penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan kesannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar. Kajian ini juga menggunakan kaedah deskriptif dan kaedah regrasi. Kaedah deskriptif digunakan untuk melihat trend penyertaan wanita yang berkahwin dan belum berkahwin dalam sektor pekerjaan dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia. Kaedah regrasi pula menggunakan kaedah F-test , T-test dan R-square.

### 3.1 PENGUJIAN MODEL

Data yang telah dikumpulkan daripada responden akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The School Science, (SPSS). Data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan Model Binary Logistik bagi menguji kebarangkalian wanita bekerja dan tidak bekerja di negeri Johor. Seterusnya, melakukan ujian t-test dan ujian F-

test iaitu pengujian anova untuk menganalisis serta melihat hubungan diantara pembolehubah-pembolehubah yang memainkan peranan penting dalam kajian iaitu , umur, agama, pendidikan dan jantina. Ujian analisis data ini telah membuktikan samaada pembolehubah-pembolehubah ini mempengaruhi penyertaan wanita berkahwin samaada bekerja atau tidak bekerja.

### **3.4 PEMBENTUKAN SOAL SELIDK**

Pembentukan soal selidik kajian ini terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A ialah latar belakang demografi responden, Bahagian B ialah faktor-faktor yang mengalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan Bahagian C ialah kebaikan dan keburukan akibat penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

#### **3.4.1 Lokasi kajian**

Kajian ini dilaksanakan di beberapa daerah negeri Johor yang terpilih iaitu daerah Kluang, Batu Pahat dan Johor Bahru. Kawasan itu dipilih kerana di daerah tersebut terdapat kawasan perindustrian yang terdiri daripada pekerja wanita yang sudah berkahwin atau pernah berkahwin dan belum berkahwin. Oleh itu, kajian ini hanya mengambil responden yang telah berkahwin atau pernah berkahwin. Selain itu kajian ini juga mengambil responden yang tidak bekerja dan sudah berkahwin atau pernah berkahwin.

#### **3.4.2 Pemilihan sampel kajian**

Kajian ini akan menggunakan data primer yang akan dikutip ke atas 100 responden. Wanita yang berkahwin atau pernah berkahwin yang berada di lingkungan umur tenaga buruh ( 18-64 tahun) diberi keutamaan. Pemilihan responden adalah bersifat rawak.

### **3.4.3 Tempoh pelaksanaan kajian**

Penyelidikan ini mengambil masa selama satu tahun tetapi masa yang diambil untuk mengumpulkan data menggunakan teknik soal selidik adalah selama satu bulan.

## **3.5 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan model yang digunakan dalam kajian ini dan kawasan kajian yang dipilih untuk mengumpulkan data. Kajian ini juga menggunakan model Binary Logistic kerana kajian ini ingin mengkaji kebarangkalian penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan. Selain itu kajian ini menggunakan model regresi bagi mengkaji hubungan setiap pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar.

## BAB 4

### HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan penganggaran dan interpretasi yang diperolehi hasil daripada kajian ke atas 100 orang wanita berkahwin. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh membuktikan samaada objektif kajian akan tercapai ataupun tidak tercapai. Hasil kajian ini akan memberi dimensi baru dalam literature dari segi menilai kesan umur, tahap pendidikan, pendapatan suami, bilangan isi rumah dan bilangan anak yang ditanggung terhadap kebarangkalian wanita bekerja.

Semua data-data ini akan dianalisis menggunakan perisian '*Statistical Package For The School Science*' (SPSS) dan bagi mengukuhkan hasil kajian ini nilai purata dan frekuensi digunakan dalam pengujian ini untuk membuktikan objektif yang pertama dalam kajian ini tercapai.. Selain itu data-data sekunder juga dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The School Science*' (SPSS) bagi membuktikan bahawa objektif yang kedua dalam kajian ini tercapai.

#### 4.1 ANALISIS DISKRIPITIF

##### BAHAGIAN A

**JADUAL 4.1 : NILAI PURATA YANG DIPEROLEHI DARIPADA DATA-DATA  
YANG DIKUMPUL**

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>
Jantina	Perempuan	100
	Mean	1.00
Umur	20 hingga 24 tahun	8
	25 hingga 29 tahun	31
	30 hingga 34 tahun	25
	35 hingga 40 tahun	17
	41 hingga 44 tahun	8
	45 hingga 49 tahun	7
	50 hingga 55 tahun	1
	56 hingga 60 tahun	3
	Mean	2.26
Bangsa	Melayu	84
	Cina	10
	India	6
	Mean	0.22
Taraf perkahwinan	Berkahwin	90
	Balu/Duda	10
	Mean	0.10
Taraf pendidikan	Sekolah rendah	14
	Sekolah menengah	45
	Diploma/STPM	21
	Ijazah dan ke atas	20
	Mean	2.47



Pekerjaan	Kakitangan kerajaan	18
	Kakitangan swasta	44
	Bekerja sendiri/keluarga	12
	Suri rumah	26
	Mean	1.46
Pendapatan	RM1000 ke bawah	42
	RM1001 – RM2000	38
	RM2001 – RM3000	19
	RM3001-RM4000	1
	Mean	0.76
Bilangan isi rumah	1	4
	2	16
	3	21
	4	19
	5	18
	6	6
	7	8
	8	6
	9	1
	11	1
	Mean	4.25
Tanggungan	0	10
	1	22
	2	24
	3	22
	4	8
	5	5
	6	7

	7	4
	11	1
	Mean	2.56
Kawasan Tempat tinggal	Luar Bandar	39
	Bandar	61
	Mean	0.61

Bahagian A mengenai latar belakang responden yang terdiri daripada sepuluh soalan. Soalan pertama mengenai jantina dan memperolehi nilai purata sebanyak 1.00. Hal ini menunjukkan semua responden adalah perempuan. Soalan kedua mengenai bangsa dan memperolehi nilai purata sebanyak 0.22 dan menunjukkan nilai purata bangsa berada di kalangan bangsa melayu . Soalan yang ketiga mengenai umur, memperolehi nilai purata sebanyak 2.26 dan menunjukkan menunjukkan nilai purata umur berada antara umur 30 hingga 34 tahun. Soalan keempat mengenai taraf perkahwinan memperolehi nilai purata sebanyak 0.10 dan ini menunjukkan responden mempunyai taraf perkahwinan iaitu taraf berkahwin. Soalan kelima mengenai tahap pendidikan yang tertinggi memperolehi nilai purata sebanyak 2.47 dan menunjukkan tahap pendidikan kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan hanya sekolah menengah.

Soalan keenam mengenai pekerjaan memperolehi nilai purata sebanyak 1.46 dan menunjukkan kebanyakan responden adalah kakitangan swasta. Soalan ketujuh mengenai jumlah pendapatan bulanan memperolehi nilai purata sebanyak 0.76 dan pendapatan purata berada dalam lingkungan < 1000. Soalan kelapan mengenai bilangan isi rumah memperolehi nilai purata sebanyak 4.25 dan ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai bilangan isi rumah antara 4 orang hingga 5 orang. Soalan kesembilan mengenai bilangan tanggungan memperolehi nilai purata sebanyak 2.56 dan ia juga menunjukkan responden mempunyai tanggungan antara 2 orang hingga 3 orang. Soalan kesepuluh pula mengenai kawasan tempat tinggal memperolehi nilai purata sebanyak 0.61 dan menunjukkan kebanyakan responden dari kawasan luar bandar dan bandar.


**FREKUENSI YANG DIPEROLEHI DARIPADA DATA-DATA YANG  
DIKUMPUL**

**JADUAL 4.2 : JANTINA RESPONDEN**

PERKARA	FREKUENSI
Perempuan	100 orang


Jadual 4.2 menunjukkan jantina responden yang di ambil. Semua responden yang di ambil terdiri daripada perempuan iaitu 100 orang. Hal ini kerana kajian ini lebih menumpukan kepada penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan dan ingin mengkaji faktor-faktor pendorong yang menyebabkan wanita lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam sektor pekerjaan

**RAJAH 2 : BANGSA**




Rajah 2. terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Berdasarkan kajian yang dijalankan bangsa Melayu terdiri daripada 84 orang, bangsa Cina adalah 10 orang dan bangsa India adalah 6 orang.

### RAJAH 3 : TARAF PERKAHWINAN




Rajah 3 menunjukkan taraf perkahwinan responden yang di ambil. Bagi yang telah berkahwin terdiri daripada 90 orang dan bagi yang balu atau janda terdiri daripada 10 orang.

#### RAJAH 4 : UMUR




Rajah 4 menunjukkan umur bagi setiap responden. Bagi umur 20 tahun hingga 24 tahun, responden terdiri daripada 8 orang. Umur 25 tahun hingga 29 tahun pula terdiri daripada 31 orang. Bagi umur 30 tahun hingga 34 tahun terdiri daripada 25 orang, umur 35 tahun hingga 40 orang terdiri daripada 17 orang dan umur 41 tahun hingga 44 tahun terdiri daripada 8 orang. Bagi umur 45 tahun hingga 49 tahun pula terdiri daripada 7 orang, umur 50 tahun hingga 55 tahun terdiri daripada 1 orang dan umur 56 tahun hingga 60 tahun pula terdiri daripada 3 orang.

## RAJAH 5 : TAHAP PENDIDIKAN




Rajah 5 menunjukkan tahap pendidikan responden yang tertinggi. Bagi yang memperolehi tahap pendidikan hingga sekolah rendah terdiri daripada 14 orang. Responden yang memiliki tahap pendidikan hingga sekolah menengah pula adalah 45 orang dan responden yang memiliki tahap pendidikan hingga diploma atau STPM dan Ijazah dan ke atas adalah masing-masing mencatatkan nilai 21 orang dan 20 orang.

**RAJAH 6: PEKERJAAN**



Rajah 6 adalah menunjukkan tahap pekerjaan responden. Sebanyak 18 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan, 44 orang terdiri daripada kakitangan swasta 12 orang pula bekerja sendiri/keluarga dan seramai 26 orang adalah suri rumah atau tidak bekerja


## RAJAH 7 : JUMLAH PENDAPATAN



Rajah 7 menunjukkan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh responden yang lebih cenderung melibatkan diri dalam sektor pekerjaan tetapi bagi yang tidak cenderung melibatkan diri dalam sektor pekerjaan memperoleh pendapatan daripada suaminya. Bagi jumlah pendapatan yang kurang daripada RM 1000 adalah terdiri daripada 42 orang, jumlah pendapatan RM 1000 hingga RM 2000 seramai 38 orang. Bagi jumlah pendapatan RM 2001 hingga RM 3000 adalah terdiri daripada 19 orang dan jumlah pendapatan RM 3001 hingga RM 4000 adalah seramai 1 orang.




**RAJAH 8 : BILANGAN ISI RUMAH**




Rajah 8 menunjukkan bilangan isi rumah bagi setiap responden. Bagi bilangan isi rumah yang mempunyai 1 orang bilangan isi rumah terdiri daripada 4 orang responden. Bagi bilangan isi rumah 2 orang terdapat 16 orang responden, 3 orang bilangan isi rumah pula adalah 21 orang, dan 4 orang bilangan isi rumah adalah 19 orang. Bagi bilangan isi rumah 5 orang pula terdapat 18 orang, bagi 6 orang adalah 6 orang, dan bagi 7 orang terdiri daripada 8 orang responden. Bagi responden yang mempunyai bilangan seramai 8 orang terdiri daripada 6 orang respnden manakala bagi bilangan isi rumah 9 orang dan 11 orang terdiri daripada 1 orang.

**RAJAH 9 : BILANGAN TANGGUNGAN**



Rajah 9 menunjukkan bilangan tanggungan bagi setiap responden. Bagi responden yang tidak mempunyai tanggungan terdiri daripada 10 orang responden. Bagi responden yang mempunyai tanggungan seramai 1 orang terdapat 22 orang manakala bilangan tanggungan seramai 2 orang pula ialah seramai 24 orang. Bagi tanggungan seramai 3 orang adalah seramai 22 orang, bilangan tanggungan 4 orang adalah seramai 8 orang dan bilangan tanggungan seramai 5 orang adalah seramai 5 orang. Bagi responden yang mempunyai bilangan tanggungan seramai 6 orang dan 7 orang terdiri seramai 4 orang dan bagi 11 orang pula terdiri seramai 1 orang.

**RAJAH 10 : TEMPAT TINGGAL**



Rajah 10 menunjukkan tempat tinggal responden. Bagi yang menetap di luar Bandar seramai 39 orang manakala bagi yang tinggal di Bandar pula ialah seramai 61 orang.

**BAHAGIAN B****JADUAL 4.3 : NILAI PURATA YANG DIPEROLEHI DARIPADA DATA-DATA  
YANG DIKUMPUL**

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>
Penglibatan diri dalam sektor pekerjaan	Ya	72
	Tidak	28
	Mean	0.72
Pengalaman kerja	Tiada pengalaman	11
	1	1
	2	2
	3	3
	4	5
	5	7
	6	9
	7	6
	8	10
	9	1
	10	11
	11	2
	12	2
	13	2
	14	6
	15	4
	16	1
	17	2
	18	1
	21	1
25	1	
29	1	

	35	1
	36	1
	Mean	8.67
Tahap pengetahuan terhadap isu penyertaan wanita dalam guna tenaga	Tinggi	69
	Rendah	31
	Mean	0.69
Pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan	Masyarakat	9
	Pihak kerajaan	30
	NGO (Badan Bukan Kerajaan)	22
	Individu itu sendiri	39
	Mean	1.91
Penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah	Ya	77
	Tidak	23
	Mean	0.77
Pendapatan suami	RM1000 ke bawah	44
	RM1001 -RM2000	29
	RM2001 -RM3000	17
	RM3001-RM4000	6
	RM5001-RM6000	4
	Mean	1.01
Pendapatan sampingan	Tiada pendapatan	77
	RM150	2
	RM200	4
	RM250	2
	RM300	3
	RM350	1
	RM400	1
	RM500	10

	Mean	82.50
Bilangan anak	0	12
	1	28
	2	30
	3	11
	4	14
	5	4
	6	1
	8	1
	Mean	2.07
Pendapat responden mengenai "Peranan dan tanggungjawab wanita penjaga anak boleh diambil alih oleh pihak yang menawarkan perkhidmatan penjagaan anak	Ya	65
	Tidak	35
	Mean	0.35
Kos perbelanjaan bagi seorang anak	0	12
	100	4
	140	1
	150	8
	200	22
	250	11
	280	1
	300	6
	350	5


	360	2
	400	3
	450	6
	480	1
	500	9
	550	1
	600	3
	650	1
	700	1
	750	1
	1500	1
	2400	1
	Mean	306.70

Bahagian B menerangkan faktor-faktor yang menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Soalan kesebelas yang menyoalkan adakah anda sudah lama melibatkan diri dalam sektor pekerjaan memperoleh nilai purata sebanyak 0.72 dan menunjukkan nilai purata menghampiri nilai 1 yang memberi maksud buruh wanita melibatkan diri dalam sektor pekerjaan. Soalan kedua belas yang menyoalkan pengalaman bekerja memperoleh nilai purata sebanyak 8.67 dan menerangkan buruh wanita mempunyai pengalaman bekerja menghampiri 9 tahun. Soalan ketiga belas yang menyoalkan tahap pengetahuan terhadap isu penyertaan wanita dalam guna tenaga pula memperoleh nilai purata sebanyak 0.69 yang menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap isu penyertaan wanita dalam guna tenaga. Selain itu nilai purata bagi soalan keempat belas yang menyoalkan pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan adalah 1.91 yang menerangkan nilai purata menghampiri 2. Oleh itu pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan adalah pihak NGO (badan bukan kerajaan). Soalan kelima belas pula yang menyoalkan bahawa penyertaan wanita

dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah memperoleh nilai purata sebanyak 0.77. Nilai purata ini menerangkan bahawa responden bersetuju bahawa penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah. Soalan keenam belas mengenai pendapatan suami memperoleh nilai purata sebanyak 1.01 yang menerangkan bahawa pendapatan suami bagi setiap responden dilingkungan RM1001 hingga RM2000. Soalan ketujuh belas di tujukan kepada responden yang mempunyai pendapatan sampingan. Bagi soalan ini nilai purata ialah 82.50 yang menerangkan pendapatan sampingan yang diperolehi adalah RM 82.50. Bagi soalan kelapan belas yang menyoalkan mengenai bilangan anak telah memperoleh nilai purata sebanyak 2.07. Oleh itu nilai purata menerangkan kebanyakan responden mempunyai 2 orang anak. Selain itu, soalan kesembilan belas yang menyoalkan pendapat responden samaada bersetuju atau tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan memperoleh nilai purata sebanyak 0.35. Berdasarkan nilai purata kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Soalan yang terakhir bagi bahagian B yang menyoalkan kos perbelanjaan sebulan di taman asuhan atau tadika memperoleh nilai purata sebanyak 306.70. Nilai purata tersebut menerangkan kos perbelanjaan sebulan di taman asuhan atau tadika adalah RM 306.70.




**RAJAH 11: PENGLIBATAN DIRI DALAM SEKTOR PEKERJAAN**




Rajah 11 menunjukkan penglibatan diri dalam sektor pekerjaan. Selain itu, soalan ini juga ingin megkaji berapa lama responden telah bekerja. Rajah di atas menunjukkan responden yang menjawab "Ya" lebih tinggi iaitu sebanyak 72 orang. Bagi yang menjawab "Tidak" pula hanya memperoleh 28 orang. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden pernah melibatkan diri dalam sektor pekerjaan.

## RAJAH 12 : PENGALAMAN BEKERJA




Rajah 12 menunjukkan pengalaaan bekerja responden dalam sektor pekerjaan. Merujuk rajah di atas bagi responden yang tidak mempunyai pengalaman bekerja adalah seramai 11 orang, bagi yang mempunyai pengalaman sebanyak 1 tahun adalah seramai 2 orang, 2 tahun pengalaman seramai 3 orang dan 3 tahun pengalaman seramai 5 orang. Bagi responden yang mempunyai pengalaman 4 tahun adalah seramai 7 orang, 5 tahun adalah seramia 9 orang, 7 tahun pengalaman adalah seramai 6 orang , 8 tahun pengalaman seramai 10 orang dan 9 tahun pengalaman seramai 1 orang. Terdapat juga responden yang mempunyai pengalaman bekerja dari 10 tahun dan ke atas. Bagi pengalaman kerja 10 tahun terdapat seramai 12 orang, 11 tahun,12 tahun , 13 tahun , 14 tahun, 18 tahun dan 25 tahun adalah seramai 2 orang. Selain itu, responden yang mempunyai pengalaman bekerja sebanyak 15 tahun seramai 6 orang dan bagi yang mempunyai pengalaman bekerja 16 tahun adalah 4 orang. Bagi yang mempunyai pengalaman bekerja 17 tahun, 21 tahun, 29 tahun, 35 tahun dan 36 tahun hanya seorang responden yang mempunyai pengalaman bekerja sebegitu.

**RAJAH 13 : TAHAP PENGETAHUAN**




Rajah 13 menunjukkan tahap pengetahuan terhadap isu penyertaan wanita dalam guna tenaga. Tahap pengetahuan responden terhadap isu penyertaan wanita dalam guna tenaga adalah tinggi iaitu sebanyak 69 orang manakala 31 orang pula tidak mengetahui isu penyertaan wanita dalam guna tenaga.

**RAJAH 14 : PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENINGKATKAN PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR PEKERJAAN**




Rajah 14 menunjukkan pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Bagi menentukan pihak-pihak yang lebih bertanggungjawab ditentukan oleh responden itu sendiri. Seramai 22 orang yang mengatakan masyarakat merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Bagi yang mengatakan pihak kerajaan yang lebih bertanggungjawab adalah seramai 30 orang, pihak NGO pula ialah seramai 22 orang dan yang paling banyak mengatakan individu itu sendiri merupakan pihak yang lebih bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan iaitu seramai 39 orang.

**RAJAH 15: PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR PEKERJAAN  
DISEBABKAN PENDAPATAN SUAMI YANG RENDAH**




Rajah 15 menunjukkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah. Terdapat 77 orang yang melibatkan diri dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah manakala 23 orang mengatakan faktor pendapatan suami yang rendah tidak memberi kesan kepada penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

**RAJAH 16: PENDAPATAN SUAMI**




Rajah 16 menunjukkan pendapatan suami responden. Bagi jumlah pendapatan yang kurang daripada RM 1000 adalah terdiri daripada 44 orang, jumlah pendapatan RM 1001 hingga RM 2000 seramai 29 orang. Bagi jumlah pendapatan RM 2001 hingga RM 3000 adalah terdiri daripada 17 orang, jumlah pendapatan RM 3001 hingga RM 4000 adalah seramai 6 orang dan jumlah pendapatan RM 5001 hingga RM 6000 adalah seramai 4 orang.

## RAJAH 17 : PENDAPATAN SAMPINGAN



Rajah 17 menunjukkan pendapatan sampingan responden. Bagi jumlah pendapatan yang tidak mempunyai pendapatan sampingan seramai 77 orang tidak mempunyai pendapatan sampingan. Bagi yang memperolehi pendapatan sampingan RM 150 dan RM 300 seramai 2 orang responden, bagi pendapatan sampingan RM 200 adalah seramai 4 orang responden dan RM 300 seramai 3 orang responden . Bagi pendapatan sampingan RM 350 dan RM 400 hanya 1 orang responden yang memperolehi pendapatan sampingan tersebut dan bagi RM 500 pula seramai 10 orang responden yang mempunyai pendapatan sampingan tersebut


**RAJAH 18 : BILANGAN ANAK**



Rajah 18 menunjukkan bilangan anak yang diperolehi oleh responden. Seramai 12 orang responden yang tidak mempunyai anak, seramai 28 orang mempunyai anak yang berumur 1 tahun dan seramai 30 orang mempunyai anak yang berumur 2 tahun. Bagi bilangan anak yang berumur 3 tahun dan 4 tahun masing-masing mencatatkan jumlah responden sebanyak 11 orang dan 13 orang. Bagi bilangan anak yang berumur 5 tahun hanya 4 orang responden sahaja dan bagi bilangan anak yang berumur 6 tahun dan 8 tahun hanya 1 orang.




**RAJAH 19 : PENDAPAT MENGENAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WANITA SEBAGAI PENJAGA BOLEH DIAMBIL ALIH OLEH PIHAK YANG MENAWARKAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN ANAK**



Rajah 19 menunjukkan pendapat responden samaada bersetuju atau tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan. Seramai 65 orang responden tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan manakala 35 orang responden pula bersetuju dengan pernyataan yang diberikan.

**RAJAH 20: KOS PERBELANJAAN SEORANG ANAK**



Rajah 20 menunjukkan kos perbelanjaan sebulan di taman asuhan atau tadika bagi seorang anak mengikut umur. Bagi yang tidak menanggung kos perbelanjaan anak di taman asuhan dan tadika seramai 12 orang responden. Jumlah kos perbelanjaan yang paling banyak adalah RM 200 iaitu 22 orang dan RM 250 seramai 11 orang.

## BAHAGIAN C

**JADUAL 4.4 : NILAI PURATA YANG DIPEROLEHI DARIPADA DATA-DATA YANG DIKUMPUL**

### Kebaikan:

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Peratus</b>
Buruh wanita mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing	Sangat tidak setuju	5
	Tidak setuju	7
	Kurang setuju	12
	Setuju	42
	Sangat setuju	34
	Mean	3.93
Tahap pendidikan merupakan merupakan salah satu faktor yang lebih menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan	Sangat tidak setuju	1
	Tidak setuju	7
	Kurang setuju	31
	Setuju	36
	Sangat setuju	25
	Mean	3.77
Buruh wanita meningkatkan pendapatan suami dan isi rumah	Sangat tidak setuju	9
	Tidak setuju	4
	Kurang setuju	6
	Setuju	47
	Sangat setuju	34
	Mean	3.93
Wanita berkahwin yang bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri akan mengurangkan kebergantungan isteri kepada suami	Sangat tidak setuju	5
	Tidak setuju	8
	Kurang setuju	17
	Setuju	35
	Sangat setuju	35
	Mean	3.87

Pihak kerajaan perlu membantu menyediakan kemudahan	Sangat tidak setuju	4
	Tidak setuju	9
	Kurang setuju	7
	Setuju	38
	Sangat setuju	42
	Mean	4.05

**Keburukan:**

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Peratus</b>
Wanita berkahwin yang bekerja akan mengeneipkan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri	Sangat tidak setuju	32
	Tidak setuju	41
	Kurang setuju	20
	Setuju	6
	Sangat setuju	1
	Mean	2.03
Faktor perkahwinan merupakan salah satu faktor penghalang penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan	Sangat tidak setuju	28
	Tidak setuju	38
	Kurang setuju	20
	Setuju	12
	Sangat setuju	2
	Mean	2.56
Tahap pendidikan tidak membantu wanita dalam menceburi dalam bidang pekerjaan	Sangat tidak setuju	28
	Tidak setuju	38
	Kurang setuju	20
	Setuju	12
	Sangat setuju	2
	Mean	2.22

Budaya masyarakat timur dan tradisi membataskan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan negara.	Sangat tidak setuju	16
	Tidak setuju	31
	Kurang setuju	28
	Setuju	23
	Sangat setuju	2
	Mean	2.64
Bilangan anak boleh mempengaruhi keputusan wanita berkahwin untuk bekerja atau tidak bekerja	Sangat tidak setuju	10
	Tidak setuju	18
	Kurang setuju	15
	Setuju	37
	Sangat setuju	20
	Mean	3.39

Bahagian C menerangkan kebaikan dan keburukan akibat penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Jadual 4 menunjukkan nilai-nilai min yang dikumpul daripada data yang diperolehi. Nilai purata yang diperolehi dari segi kebaikan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan daripada soalan yang pertama adalah 3.93 iaitu responden memberikan jawapan setuju pada pernyataan yang diberikan. Soalan yang kedua nilai purata adalah 3.77 yang menunjukkan responden memberikan jawapan setuju dengan soalan yang diajukan, soalan yang ketiga nilai purata adalah 3.93 yang menunjukkan responden memberikan jawapan setuju dengan soalan yang diajukan, soalan keempat nilai purata adalah 3.87 yang menunjukkan responden memberikan jawapan setuju dengan soalan yang diajukan dan soalan kelima nilai purata adalah 4.05 yang menunjukkan responden memberikan jawapan setuju dengan soalan yang diajukan. Bagi nilai purata yang diperolehi dari segi keburukan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan daripada soalan pertama adalah 2.03 yang menerangkan responden tidak bersetuju dengan soalan yang

diajukan, soalan kedua nilai purata adalah 2.56 yang menerangkan responden kurang setuju dengan soalan yang diajukan, soalan ketiga nilai purata adalah 2.22 yang menerangkan responden tidak bersetuju dengan soalan yang diajukan, soalan keempat nilai purata adalah 2.64 yang menerangkan responden kurang setuju dengan soalan yang diajukan dan soalan kelima nilai purata adalah 3.39 yang menerangkan responden kurang setuju dengan soalan yang diajukan.

Jadual di atas menerangkan kebaikan akibat penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Pendapat responden terhadap penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan boleh mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing. Merujuk jadual di atas seramai 5 % sangat tidak setuju, 7% tidak setuju, 12% kurang setuju, 42% setuju dan 34% sangat setuju. Pendapat responden terhadap tahap pendidikan merupakan salah satu faktor yang lebih menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Merujuk jadual di atas seramai 1 % sangat tidak setuju, 7% tidak setuju, 31% kurang setuju, 36% setuju dan 25% sangat setuju. Pendapat responden terhadap penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan boleh meningkatkan pendapatan suami dan isi rumah. Merujuk jadual di atas seramai 9 % sangat tidak setuju, 4% tidak setuju, 6% kurang setuju, 47% setuju dan 34% sangat setuju. Pendapat responden terhadap wanita berkahwin yang bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri akan mengurangkan kebergantungan isteri kepada suami. Merujuk jadual di atas seramai 5% sangat tidak setuju, 8% tidak setuju, 17% kurang setuju, 35% setuju dan 35% sangat setuju. Pendapat responden terhadap pihak kerajaan perlu membantu menyediakan lebih banyak kemudahan pusat penjagaan anak dengan kos yang lebih rendah. Merujuk carta pai di atas seramai 4% sangat tidak setuju, 9% tidak setuju, 7% kurang setuju, 38% setuju dan 42% sangat setuju.

Selain jadual di atas juga menerangkan keburukan akibat penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Pendapat responden terhadap wanita berkahwin yang bekerja akan mengeneipkan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri. Merujuk jadual di atas seramai 32% sangat tidak setuju, 41% tidak setuju, 20% kurang setuju, 6% setuju dan 1% sangat setuju. Pendapat responden terhadap faktor perkahwinan merupakan salah satu faktor yang membataskan dan menghalang penyertaan wanita berkahwin dalam sektor

pekerjaan. Merujuk jadual di atas seramai 14% sangat tidak setuju, 28% tidak setuju, 46% kurang setuju dan 12% setuju. Pendapat responden terhadap tahap pendidikan tidak membantu wanita dalam menceburi dalam bidang pekerjaan. Merujuk jadual di atas seramai 28% sangat tidak setuju, 38% tidak setuju, 20% kurang setuju, 12% setuju dan 2% sangat setuju. Pendapat responden terhadap budaya masyarakat timur dan tradisi membataskan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan negara. Merujuk jadual di atas seramai 16% sangat tidak setuju, 31% tidak setuju, 28% kurang setuju, 23% setuju dan 2% sangat setuju. Pendapat responden terhadap bilangan anak boleh mempengaruhi keputusan wanita berkahwin untuk bekerja atau tidak bekerja. Merujuk jadual di atas seramai 10% sangat tidak setuju, 18% tidak setuju, 15% kurang setuju, 37% setuju dan 20% sangat setuju.

#### **4.2 Analisis Model Binary Logistik**

Kajian ini menggunakan Model Binary Logistik bagi menentukan setiap wanita berkahwin yang ingin membuat keputusan melibatkan diri dalam sektor pekerjaan pilihan keputusannya adalah bekerja atau tidak bekerja.

Keputusan regresi binary logistik ini dibentangkan dalam Jadual 4.5. Jadual 4.5 juga memaparkan saiz sampel yang di ambil yang diambil ( $n = 100$ ) dan bilangan responden yang memberikan maklumat lengkap juga 100 yang boleh digunakan untuk analisis ini. Selain itu, Jadual 4.5 juga memaparkan Model Binary Logistik yang di anggarkan. Model yang di anggarkan ini didapati signifikan bagi ujian kebagusan model iaitu dengan nilai  $p = 0.000$  dan peratus dijangka dengan betul adalah 0.913. Output yang diperolehi juga membentangkan prestasi model ini dari sudut ramalan pengelasan. Ia dapat meramalkan secara betul kebarangkalian menyertai sektor pekerjaan sekadar 73% sahaja. Berdasarkan data, semua responden diramalkan menjawab "bekerja" kepada soalan yang diajukan. Tetapi 73% sahaja yang benar-benar mengatakan sedemikian.

Keputusan Regresi binary logistik berbeza dengan regresi linear. Regresi binary logistik menggunakan statistik ujian setiap pekali regresi dengan statistik wald yang diperolehi dengan membahagikan pekali regresi dengan SE dan menggandakan supaya bertaburan sebagai khi kuasa dua. Dalam keputusan menerangkan maksud  $\text{Exp}(B)$  ialah  $e^B$  dengan  $e$  ialah asas logaritma jati.

Bagi angkubah umur,  $B = 0.181$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(0.181) = e^{0.181} = 1.198$ . Nilai 1.198 itu beerti perlu mendarab odd (p/q) menjadi penyertaan wanita dengan 1.198 bagi setiap tahun bagi umur responden akan meningkat. Jika umur bertambah setahun, odd menjadi penyertaan wanita juga akan meningkat. Sekiranya nisbah itu lebih daripada 1.0, ini beerti odd menjadi penyertaan wanita meningkat apabila angkubah berkenaan meningkat. Jika nisbah itu kurang daripada 1.0 beerti hubungan songsang iaitu semakin meningkat umur, semakin kurang kemungkinan dalam odd penyertaan wanita.

Angkubah taraf perkahwinan  $B = 2.160$  oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(2.160) = e^{2.160} = 8.669$ . Oleh itu hubungan kebarangkalian penyertaan wanita dengan taraf perkahwinan adalah hubungan positif beerti jika buruh wanita telah berkahwin maka penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan akan meningkat.

Angkubah tahap pendidikan  $B = -3.198$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(-3.198) = e^{-3.198} = 0.041$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan berubah akibat perubahan angkubah tahap pendidikan. Hal ini menerangkan mengikut 2 keadaan iaitu apabila tahap pendidikan tinggi penyertaan wanita berkurang dan apabila tahap pendidikan rendah penyertaan wanita tinggi. Berdasarkan kajian ini disebabkan kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah maka kebarangkalian penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan meningkat.

Bagi angkubah pekerjaan pula  $B = -5.421$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(-5.421) = e^{-5.421} = 0.004$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan akan meningkat sekiranya mereka hanya bekerja sebagai pekerja bawahan.



Bagi angkubah tempat tinggal responden pula  $B = -2.317$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(-2.317) = e^{-2.317} = 0.099$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat dan berkurang mengikut perubahan angkubah tersebut.

Bagi angkubah sebab penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan pula  $B = -0.204$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(-0.204) = e^{-0.204} = 0.815$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan pendapatan suami yang rendah.

Bagi angkubah bilangan isi rumah  $B = -0.393$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(-0.393) = e^{-0.393} = 0.675$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan bilangan isirumah yang sedikit. Berdasarkan kajian ini penyertaan wanita meningkat disebabkan bilangan isi rumah yang sedikit.

Bagi angkubah bilangan anak  $B = 0.597$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(0.597) = e^{0.597} = 1.816$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan bilangan anak yang meningkat.

Bagi angkubah pendapatan suami responden pula  $B = 2.040$ , oleh itu  $\text{Exp}(B) = \text{Exp}(2.040) = e^{2.040} = 7.688$ . Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan pendapatan suami .

Persamaan logit yang dianggarkan secara formula:

$$\ln\left(\frac{y}{1-y}\right) = 11.537 + 0.181 \text{ umur} - 0.204 \text{ sbb pennyertaan} - 3.198 \text{ thp pendidikan} + 2.160 \text{ trf perkhwinan} - 5.421 \text{ trf pekerjaan} - 2.317 \text{ tmpt tinggal} - 0.393 \text{ bil isi rumah} + 0.597 \text{ bil anak} + 2.040 \text{ pendptn suami}$$

Responden yang bekerja:

$$\begin{aligned} \ln\left(\frac{y}{1-y}\right) &= 11.537 + 0.181(34) - 0.204(0) - 3.198(0) + 2.160(0) - 5.421(1) - \\ &\quad 2.317(1) - 0.393(6) + 0.597(4) + 2.040(0) \\ &= 11.537 + 6.154 - 5.421 - 2.317 - 2.358 + 2.388 \\ &= 9.98 \end{aligned}$$

Menukar model logit ini kepada kebarangkalian penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan:

$$\begin{aligned} P(y=1) &= \frac{e^{9.983}}{1 + e^{9.983}} \\ &= 0.99 \end{aligned}$$

Jelaslah bahawa kebarangkalian penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan adalah 0.99.

Responden yang tidak bekerja:

$$\begin{aligned} \ln\left(\frac{y}{1-y}\right) &= 11.537 + 0.181(37) - 0.204(1) - 3.198(1) + 2.160(1) - 5.421(1) - \\ &\quad 2.317(1) - 0.393(6) + 0.597(4) + 2.040(1) \\ &= 11.537 + 6.697 - 0.204 - 3.198 + 2.160 - 5.421 - 2.317 - 2.358 + 2.388 + 2.040 \\ &= 11.32 \end{aligned}$$

Menukar model logit ini kepada kebarangkalian wanita tidak menyertai sektor pekerjaan:

$$P(y=0) = \frac{e^{11.32}}{1 + e^{11.32}}$$

= 0.99 (Jelaslah bahawa kebarangkalian wanita yang tidak bekerja adalah 0.99.)

**JADUAL 4.5 OUTPUT DARIPADA REGRASI LOGISTIK**

Unweighted Cases(a)		N	Percent
Selected Cases	Included in Analysis	100	100.0
	Missing Cases	0	.0
	Total	100	100.0
Unselected Cases		0	.0
Total		100	100.0

**R-SQUARE**

**Model Summary**

Step	-2 Log likelihood	Cox & Snell R Square	Nagelkerke R Square
1	17.501(a)	0.629	0.913

**KLASIFIKASI BAGI KEPUTUSAN PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR PEKERJAAN**

	Observed		Predicted		
			penyertaan wanita		Percentage Correct
			Tidak bekerja	Bekerja	Tidak bekerja
Step 0	penyertaan wanita	Tidak bekerja	0	27	.0
		Bekerja	0	73	100.0
Overall Percentage				73.0	

**KEPUTUSAN REGRESI BINARY LOGISTIK**  
**VARIABLES IN THE EQUATION**

		B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Step 1(a)	Umur	0.181	0.528	0.117	1	0.732	1.198
	Taraf perkahwinan	2.160	2.505	0.743	1	0.389	8.669
	Tahap pendidikan	-3.198	2.340	1.867	1	0.172	0.041
	Pekerjaan	-5.421	1.558	12.108	1	0.001	0.004
	Bilangan isi rumah	-.393	1.873	0.044	1	0.834	0.675
	Tempat tinggal	-2.317	2.074	1.248	1	0.264	0.099
	Sebab penyertaan wanita disebabkan pendapatan suami	-.204	1.740	0.014	1	0.907	0.815
	Pendapatan suami	2.040	1.670	1.492	1	0.222	7.688
	Bilangan Anak	.597	.485	1.511	1	0.219	1.816
	Constant	11.537	4.080	7.994	1	0.005	102443.626

a Variable(s) entered on step 1: cnvrtumur, tperkhwinan, thppndidikan, Pekerjaan, convertbisirmh, ttnggal, sbbpw, banak.

### 4.3 Analisis Regresi

Tahun	KDNK	Tenaga buruh wanita belum berkahwin	Tenaga buruh wanita berkahwin
1990	119 081	887.1	1 312.9
1992	150 662	933.3	1 375.6
1993	172 194	911.7	1 436.7
1995	222 473	945.5	1 457.0
1996	253 722	1 011.2	1 666.8
1997	261 795	1 013.3	1 696.9
1998	283 243	987.6	1 676.1
1999	300 764	1 043.7	1 731.1
2000	343 215	1 182.7	1 897.2
2001	352 579	1 123.2	1 952.4
2002	383 213	1 142.4	2 017.2
2003	418 769	1 320.8	2 110.2
2004	474 048	1 307.0	2 163.1
2005	522 445	1 367.9	2 104.6
2006	573 736	1 380.1	2 162.2
2007	641 864	1 426.4	2 231.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

#### Pengujian R-Square

R-square digunakan untuk melihat kekuatan hubungan antara penyertaan wanita yang belum berkahwin dan yang telah berkahwin dalam sektor pekerjaan dan kesannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar.

## Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.974(a)	0.949	0.941	37208.711

Nilai R-square ialah 0.949. Ini menunjukkan hubungan yang kuat antara penyertaan wanita yang belum berkahwin dan yang telah berkahwin dalam sektor pekerjaan dan kesannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar.

## Pengujian F-test

### ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	332126429381.625	2	166063214690.812	119.946	.000 (a)
	Residual	17998346383.813	13	1384488183.370		
	Total	350124775765.438	15			

a Predictors: (Constant), T.Buruh Wanita Berkahwin, T.Buruh Wanita Belum Berkahwin

b Dependent Variable: Keluaran Dalam Negara Kasar

F kiraan:

$$F = \frac{RSS}{TSS}$$

TSS

$$= 119.946$$

Nilai genting = 0.00

Keputusan:

- Disebabkan oleh nilai genting adalah 0.000 maka kita berjaya menolak  $H_0$  pada aras keertian 5% yang menunjukkan penyertaan wanita berkahwin dengan yang belum berkahwin memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi.

### Pengujian T-test

#### Coefficients(a)

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	-562226.653	59208.193		-9.496	.000
	T.Buruh Wanita Belum Berkahwin	588.367	176.869	.711	3.327	.005
	T.Buruh Wanita Berkahwin	134.117	105.770	.271	1.268	.227

a Dependent Variable: Keluaran Dalam Negara Kasar

Merujuk jadual di atas penyertaan wanita yang belum berkahwin signifikan pada aras keertian 5%. Oleh itu, maka kita tolak  $H_0$  pada aras keertian 5%. Hal ini menunjukkan penyertaan wanita belum berkahwin akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar.


Bagi penyertaan wanita yang berkahwin pula tidak signifikan. Oleh itu, kita gagal menolak  $H_0$ .

## Model Regresi


$$\begin{aligned} \text{KDNK} &= \beta_0 + \beta_1 x_1 + \beta_2 x_2 \\ &= -562226.653 + 588.367x_1 + 134.117x_2 \end{aligned}$$

## Kaedah diskriptif

### Graf Penyertaan Wanita Belum Berkahwin dan Berkahwin dalam sektor pekerjaan



### Graf Keluaran Dalam Negara Kasar





Kaedah diskriptif ini digunakan untuk melihat trend penyertaan wanita yang berkahwin dan belum berkahwin dalam sektor pekerjaan dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia.

Graf di atas menunjukkan penyertaan wanita yang belum berkahwin dan penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan dan Keluaran Dalam Negara Kasar. Pada tahun 1990 hingga 1992 penyertaan wanita yang belum berkahwin meningkat dari 887.1 orang kepada 933.3 orang. Peningkatan ini adalah sebanyak 46.2 orang bersamaan 5.2%. Pada tahun 1993 penyertaan wanita belum berkahwin telah menurun kepada 911.7 orang iaitu penurunan sebanyak 21.6 orang bersamaan 2.3%. Pada tahun 1995 hingga 1997 penyertaan wanita yang belum berkahwin dan telah berkahwin terus meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 1995 jumlah penyertaan wanita yang belum berkahwin adalah 945.5 orang dan meningkat kepada 1 011.2 orang pada tahun 1996. Peningkatan ini adalah sebanyak 65.7 orang bersamaan 6.9%. Pada tahun 1997 juga penyertaan wanita yang belum berkahwin meningkat kepada 1 013.3 orang. Namun, pada tahun 1998 penyertaan wanita yang belum berkahwin menurun sebanyak 987.6 orang. Hal ini berlaku mungkin disebabkan kesan kegawatan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 dan menyebabkan ekonomi pada tahun tersebut merosot dan pihak-pihak berkenaan terpaksa mengurangkan pekerja. Selepas tahun 1998, penyertaan wanita belum berkahwin telah meningkat. Pada tahun 1999 hingga tahun 2000 penyertaan wanita yang belum berkahwin meningkat daripada 1 043.7 orang kepada 1 182.7 orang. Begitu juga pada tahun 2001 hingga tahun 2007 penyertaan wanita belum berkahwin meningkat dari masa ke semasa. Pada tahun 2001 meningkat dari 1 123.2 orang kepada 1 142.4 orang pada tahun 2003 dan pada tahun 2004 penyertaan wanita yang belum berkahwin meningkat kepada 1 307.0 orang kepada 1 367.9 orang pada tahun 2005. Pada tahun 2006 hingga tahun 2007 juga meningkat dari 1 380.1 orang kepada 1 426.4 orang. Peningkatan dari tahun 1999 hingga tahun 2007 adalah sebanyak 382.7 orang bersamaan 36.7%.

Begitu juga penyertaan wanita yang berkahwin meningkat dari 1 312.9 orang pada tahun 1990 kepada 1 375.6 orang pada tahun 1992. Peningkatan ini pula adalah sebanyak 62.7 orang bersamaan 4.8%. Pada tahun 1993 hingga tahun 1997 penyertaan wanita berkahwin meningkat setiap tahun iaitu daripada 1 436.7 orang pada tahun 1993 kepada 1 457.0 orang pada tahun 1995, 1 666.8 orang pada tahun 1996 dan 1 696.9 orang pada tahun 1997. Peningkatan ini adalah sebanyak 260.2 orang bersamaan 18.1 %. penyertaan wanita yang telah berkahwin terus meningkat kepada 1 436.7 orang. Pada tahun 1998 penyertaan wanita berkahwin menurun kepada 1 676.1. Penurunan ini adalah sebanyak 20.8 orang bersamaan 1.2%. Pada tahun 1999 hingga tahun 2004 penyertaan wanita berkahwin meningkat setiap tahun iaitu daripada 1 731.1 orang pada tahun 1999 kepada 1 897.2 orang pada tahun 2000, 1 952.4 orang pada tahun 2001, 2 017.2 orang pada tahun 2002, 2 110.2 orang pada tahun 2003 dan pada tahun 2004 seramai 2 163.1 orang. Peningkatan ini adalah sebanyak 432 orang bersamaan 25 %. Pada tahun 2005 pula penyertaan wanita yang berkahwin menurun kepada 2 104.6 orang. Penurunan ini sebanyak 58.5 orang bersamaan 2.7%. Namun penyertaan wanita berkahwin meningkat semula pada tahun 2006 iaitu 2 162.2 orang hingga tahun 2007 iaitu 2 231.9 orang.

Keluaran Dalam Negara Kasar pula meningkat setiap tahun iaitu dari tahun 1990 hingga tahun 2007. Walaupun pada tahun 1998 penyertaan wanita yang belum berkahwin menurun dan penyertaan wanita yang telah berkahwin yang mengalami keadaan turun dan naik menurun langsung tidak menjejaskan Keluaran Dalam Negara Kasar. Pada tahun 1990 jumlah KDNK adalah RM 79 329 juta meningkat kepada RM 92 866 juta pada tahun 1992. Pada tahun 1993 hingga tahun 1999 KDNK meningkat secara tidak sekata iaitu RM 100 617 juta pada tahun 1993, RM 120 273 juta pada tahun 1995, RM 130 621 juta pada tahun 1996, RM 140 684 juta pada tahun 1997, RM 182 237 juta pada tahun 1998, dan RM 193 422 orang pada tahun 1999. Peningkatan dari tahun 1993 hingga tahun 1999 adalah sebanyak RM 92 805 bersamaan 92.2%. Pada tahun 2000 hingga tahun 2001 Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat dari RM 343 215 juta kepada RM 352 579 juta. Peningkatan ini adalah sebanyak RM 9 364 juta bersamaan 2.73%. Pada Tahun 2002 hingga 2003 pula Keluaran Dalam Negara Kasar juga telah

meningkat dari RM 383 213 juta kepada RM 418 769 juta. Peningkatan ini pula adalah sebanyak RM 35 556 juta bersamaan 9.28%. Bagi tahun 2004 hingga tahun 2005 juga meningkat dari RM 474 048 juta kepada RM 522 445 juta. Peningkatan ini pula adalah sebanyak RM 48 397 juta bersamaan 10.21%. Pada tahun 2006 pula KDNK meningkat juga dari RM 475 192 juta kepada RM 505 353 juta pada tahun 1997. Peningkatan ini adalah sebanyak RM 30 161 juta bersamaan 6.3%.

#### **4.4 Analisis Keputusan**

Hasil keputusan yang diperolehi adalah didapati faktor umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, tempat tinggal penyebab penyertaan wanita dan bilangan isi rumah dan bilangan anak tidak mempunyai kesan signifikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita yang berkahwin dalam sektor pekerjaan. Selain ini hanya pekerjaan mempunyai kesan signifikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita yang berkahwin dalam sektor berkahwin.

Model Binary Logistik menunjukkan jika umur bertambah setahun, kebarangkalian penyertaan wanita juga akan meningkat. Angkubah tahap pendidikan pula menyebabkan kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang disebabkan perubahan angkubah tersebut. Oleh itu kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah maka kebarangkalian penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan meningkat. Kajian Lim Hock Eam, Zalina M.Mohaideen dan Norehan Abdullah tahap pendidikan adalah tidak signifikan dan tahap pendidikan tamat sekolah menengah mempunyai kebarangkalian bekerja paling tinggi. Bagi angkubah taraf perkahwinan hubungan kebarangkalian penyertaan wanita dengan taraf perkahwinan adalah hubungan positif beerti jika buruh wanita telah berkahwin maka penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan akan meningkat

Bagi angkubah pekerjaan pula kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang disebabkan perubahan angkubah tersebut. Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan akan meningkat sekiranya mereka hanya bekerja sebagai pekerja bawahan. Bagi angkubah tempat tinggal responden kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang akibat perubahan angkubah tersebut. Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat dan berkurang mengikut perubahan angkubah tersebut. Bagi angkubah penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang akibat angkubah tersebut. Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan pendapatan suami yang rendah.

Bagi angkubah bilangan isi rumah kebarangkalian penyertaan wanita akan menurun disebabkan peningkatan angkubah tersebut. Oleh itu kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan bilangan isi rumah yang sedikit. Berdasarkan kajian ini penyertaan wanita meningkat disebabkan bilangan isi rumah yang sedikit. Bagi angkubah bilangan anak keputusan yang diperolehi adalah kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan bilangan anak yang meningkat. Pendapatan suami juga menyebabkan penyertaan wanita meningkat.

Kajian mengenai penyertaan wanita berkahwin dan belum berkahwin dalam sektor pekerjaan dan kesannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menunjukkan hubungan yang kuat antara penyertaan wanita yang belum berkahwin dan yang telah berkahwin dalam sektor pekerjaan dan kesannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar. Hal ini membawa maksud penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan juga menyumbang terhadap pembangunan negara.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN KAJIAN DAN IMPLIKASI DASAR**

#### **5.1 PENGENALAN**

Secara amnya, sebahagian besar daripada rakyat Malaysia menerima dan menggalakkan penglibatan wanita di dalam tenaga kerja negara. Oleh yang demikian, kaum wanita di Malaysia berkesempatan bekerja menerusi pelbagai cara dan kapasiti serta diwakili dalam kebanyakan sektor ekonomi di Malaysia. Walaupun situasi ini memperlihatkan tren yang positif berhubungan dengan kaum wanita dan kerja, namun terdapat beberapa isu yang perlu diselesaikan dan diatasi agar keupayaan kaum wanita untuk bekerja dapat diiktiraf dan dibangunkan dengan sepenuhnya.

Bab ini akan membincangkan rumusan dan kesimpulan bagi hasil kajian yang diperolehi. Penemuan kajian ini, diperolehi melalui analisis yang telah dijalankan berdasarkan kaedah-kaedah yang telah diterangkan dalam bab-bab sebelum ini. Rumusan akan dibuat berdasarkan hasil kajian yang diperolehi dengan memfokuskan penilaian hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah yang tidak bersandar. Seterusnya permasalahan kajian akan dihuraikan di dalam bab ini dan cadangan-cadangan yang relevan akan diutarakan bagi mengatasi masalah tersebut.

## **5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN**

### **5.2.1 Analisis terhadap demografi responden**

Secara keseluruhannya, hasil kajian diperolehi daripada kajian ke atas 100 orang wanita berkahwin yang dipilih secara rawak daripada penduduk Negeri Johor. Kajian yang diperolehi mendapati bangsa melayu adalah paling banyak yang diambil sebagai responden iaitu 84% dan taraf perkahwinan pula yang paling tinggi adalah wanita yang telah berkahwin iaitu 90%. Dari segi umur pula, responden paling banyak dilingkungan umur 25 tahun hingga 29 tahun iaitu 31% dan tahap pendidikan yang paling tinggi adalah sekolah menengah iaitu 45%. Bagi pekerjaan pula responden paling banyak bekerja sebagai kakitangan swasta iaitu 44% dan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh responden paling ramai memperolehi pendapatan kurang daripada RM 1000 iaitu 42%. Bilangan isi rumah dan bilangan tanggungan pula masing-masing yang paling banyak adalah 3 orang iaitu 21% dan 2 orang iaitu 24%. Responden yang di ambil pula paling ramai menetap di kawasan bandar iaitu 61%.

### **5.2.2 Analisis faktor-faktor yang menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan**

Kajian yang diperolehi mendapati kebanyakan responden lebih cenderung dalam sektor pekerjaan. Oleh itu kebarangkalian responden menjawab "Ya" adalah tinggi iaitu 72% dan pengalaman bekerja dalam sektor pekerjaan yang paling tinggi adalah 10 tahun iaitu 12%. Tahap pengetahuan responden terhadap isu penyertaan wanita dalam guna tenaga juga di uji dan menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang tinggi iaitu 69%. Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan pula kebanyakan responden memilih individu itu sendiri iaitu 39% sebagai pihak yang bertanggungjawab. Terdapat 77% responden yang melibatkan diri dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah. Pendapatan suami responden yang paling tinggi adalah kurang RM 1000 iaitu 44%. Bagi pendapatan sampingan pula tidak ramai responden mempunyai pendapatan sampingan. Majoriti responden tidak mempunyai pendapatan sampingan iaitu 77%. Bilangan anak yang paling ramai diperolehi responden adalah

lingkungan umur 2 tahun iaitu 30% dan kos perbelanjaan seorang anak pula yang paling tinggi ialah RM200 iaitu 22%.

### **5.2.3 Analisis kebaikan dan keburukan disebabkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan**

Pendapat responden mengatakan setuju terhadap buruh wanita mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing iaitu 42%. Bagi tahap pendidikan merupakan faktor yang menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan responden mengatakan setuju iaitu 36%. Buruh wanita meningkatkan pendapatan suami dan isi rumah responden juga mengatakan setuju iaitu 47% dan bagi buruh wanita mengurangkan kebergantungan isteri kepada suami responden mengatakan setuju dan sangat setuju adalah sama iaitu 35%. Pendapat tidak setuju iaitu 41% mengenai keburukan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan iaitu buruh wanita yang terlibat dalam sektor pekerjaan mengeneppikan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri. Responden mengatakan kurang setuju iaitu 46% mengenai faktor perkahwinan membataskan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Bagi tahap pendidikan merupakan faktor yang tidak membantu wanita dalam menceburi bidang pekerjaan seramai 38% tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Budaya masyarakat timur dan tradisi membataskan sumbangan kaum wanita memperoleh 31% yang tidak setuju dan 37% yang setuju mengatakan bilangan anak mempengaruhi keputusan wanita untuk bekerja.

### **5.2.4 Analisis Model Binary Logistik**

Analisis ini digunakan untuk menguji hubungan antara angkubah-angkubah bebas dengan angkubah bersandar. Model Binary Logistik menunjukkan jika umur bertambah setahun, kebarangkalian penyertaan wanita juga akan meningkat. Angkubah tahap pendidikan pula menyebabkan kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang disebabkan perubahan angkubah tersebut. Bagi angkubah taraf perkahwinan hubungan kebarangkalian penyertaan wanita dengan taraf perkahwinan adalah hubungan positif

beerti jika buruh wanita telah berkahwin maka penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan akan meningkat.

Bagi angkubah pekerjaan pula kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang disebabkan perubahan angkubah tersebut. Bagi angkubah tempat tinggal responden kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang akibat perubahan angkubah tersebut. Bagi angkubah penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah kebarangkalian penyertaan wanita akan berkurang akibat angkubah tersebut. Bagi angkubah bilangan isi rumah kebarangkalian penyertaan wanita akan menurun disebabkan peningkatan angkubah tersebut. Bagi angkubah bilangan anak keputusan yang diperolehi adalah kebarangkalian penyertaan wanita akan meningkat disebabkan bilangan anak yang meningkat.

#### **5.2.5 Analisis Regresi**

Analisis ini digunakan untuk mengkaji hubungan antara tenaga buruh wanita yang belum berkahwin dengan tenaga buruh wanita berkahwin dan kesannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hasil yang diperolehi hubungannya adalah kuat di mana R-square ialah 0.949. Maka hubungan antara hubungan antara tenaga buruh wanita yang belum berkahwin dengan tenaga buruh wanita berkahwin dan kesannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah positif.



### 5.3 CADANGAN KAJIAN/SARANAN KAJIAN

Kajian mendapati kini wanita juga terpaksa menghadapi perubahan ekonomi akibat daripada serangan pantas globalisasi. Dengan adanya persaingan globalisasi yang sengit antara syarikat, lebih banyak pekerjaan menjadi goyah dan tidak stabil kedudukannya dan mengakibatkan keadaan tempat kerja menjadi kurang sihat atau kurang menyenangkan bagi lelaki dan wanita. Wanita masih bertanggungjawab mengasuh dan mendidik anak-anak walaupun mereka penat bekerja untuk membantu menambah pendapatan keluarga. Namun mereka tidak dibayar upah yang sama seperti apa yang dibayar kepada lelaki, sebab utamanya ialah mereka tidak dianggap sebagai pencari nafkah keluarga. Malah, daripada data sekunder daripada "Association of women in Development, 2004" secara globalnya wanita memperoleh pendapatan 20 hingga 30 peratus kurang daripada pendapatan lelaki. Oleh itu bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan kerajaan perlu membasmi diskriminasi dan mengambil tindakan tegas bagi menjamin hak wanita. Tumpuan khas perlu diberikan seperti kawasan-kawasan kurang maju di luar bandar, wanita yang tidak berdaya dan cacat serta wanita diberi peluang pendidikan. Selain itu pihak swasta juga perlu membasmi diskriminasi seiring dengan tindakan kerajaan. Hal ini kerana walaupun kerajaan telah mengambil langkah membayar gaji sama rata antara pekerja lelaki dan pekerja wanita pada jawatan yang sama namun langkah ini tidak di ambil oleh pihak swasta.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja kerajaan perlu menyediakan kemudahan seperti pusat penjagaan anak. Di samping itu, pihak kerajaan perlu membantu menyediakan lebih banyak kemudahan pusat jagaan anak dengan kos yang lebih rendah. Menyedari hakikat bahawa kurangnya data dan maklumat mengenai kedudukan wanita sebenarnya, maka kerajaan hendaklah menggalak dan membantu penyelidikan dan kajian mengenai wanita. Di samping itu kerajaan hendaklah menentukan bahawa segala pengumpulan data dan maklumat oleh pelbagai sektor dan agensi kerajaan mengasing-asingkan butiran maklumat mengikut jantina. Rumusan bahawa segala pengumpulan data dan maklumat oleh pelbagai sektor dan

agensi kerajaan mengasing-asingkannya. Hal ini adalah salah satu cara memajukan dan menyelaraskan penyelidikan mengenai isu wanita

Cadangan-cadangan berikut ditujukan terutamanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan penyertaan wanita :

- Menjalankan kajian dan menerbitkan hasil penemuan kajian mengenai wanita dan perubahan corak kerja dan kemahiran, termasuklah kerja tidak formal dan kerja rumah.
- Menilai dan memerhati dengan kerap kedudukan wanita dari segi hak dan bebas diskriminasi.
- Menggubal dasar pekerjaan kebangsaan bagi wanita untuk meningkatkan mobiliti ke peringkat yang lebih tinggi, kursus latihan dan peluang untuk peningkatan kemahiran dan teknologi, terutamanya dalam teknologi terkini.
- Mengkaji dan meminda perundangan sedia ada untuk menaik taraf status pekerjaan semua pekerja, termasuklah pekerja asing dan domestik. Akta- Akta ini termasuklah:
  - Akta Pekerjaan berkaitan dengan kadar gaji minimum, keselamatan pekerjaan, jaring keselamatan sosial dan insurans penguatkuasaan kerja/pengangguran. Bidang kuasa Akta Pekerjaan juga harus diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.
  - Akta Kesatuan Sekerja untuk mengembalikan hak pekerja mengelolakan kesatuan sekerja dengan bebas di peringkat kebangsaan, terutamanya dalam industri elektronik.

- Menggubal undang-undang baru dan bentuk dasar-dasar yang memastikan perlindungan untuk wanita, terutamanya dalam konteks globalisasi masakini, dan mempertingkatkan penyertaan mereka dalam tenaga kerja. Ini termasuklah:
  - memperkenalkan amalan terbaik di tempat kerja;
  - menyediakan kemudahan penjagaan anak yang berkualiti di tempat kerja dan/atau di peringkat komuniti; dan
  - menggubal Akta Gangguan Seksual

Pengstruktur semula ekonomi dan krisis kewangan tahun 1997, syarikat-syarikat menggabungkan kerja-kerja perkilangan formal dengan yang tidak formal, kerja-kerja subkontrak dan kerja dari rumah. Langkah-langkah itu ialah usaha untuk mengurangkan kos dan keanjalan guna tenaga dan banyak diamalkan di mana jumlah pekerja utama dikurangkan dan kerja-kerja sampingan diserahkan kepada syarikat lain:

- Pekerja berkemungkinan akan dibuang atau ditawarkan “Skim Persaraan Sukarela” dan kemudian diambil bekerja semula, tetapi dengan gaji yang lebih sedikit dan taraf pekerjaan yang tidak tetap;
- Pekerja bergaji digantikan dengan pekerja keluarga tidak berbayar dan kebanyakan daripada mereka adalah wanita; dan
- Pekerja sementara, kontrak, pendatang asing dan/atau pekerja kasual diambil bekerja, bilangannya bertambah oleh agen luar atau syarikat-syarikat yang menjalankan subkontrak, dan dibayar upah harian.

Melalui mekanisma fleksibiliti di atas, kedudukan pekerja wanita tergugat dan dengan mudah dieksploitasi kerana keadaan pekerjaan yang tidak stabil. Namun begitu, kajian menunjukkan bahawa lebih ramai pekerja wanita bekerja secara sambilan atau kasual berbanding dengan pekerja lelaki. Keadaan ekonomi yang tidak menentu turun-naiknya, maka menjadi kritikal untuk jaringan keselamatan sosial diperbadankan ke

dalam sistem ekonomi dan politik. Hal ini supaya pekerja mendapat perlindungan sosial jika dibuang atas alasan strategi pengurusan keanjalan tenaga kerja.

Di samping itu, kursus pengupayaan wanita perlu untuk membentuk dan memantapkan generasi wanita yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan dengan keluarga, ekonomi, kesihatan, pendidikan, sosial dan budaya. Kursus ini juga bertujuan melahirkan wanita yang berwawasan tinggi kerana golongan wanita masa kini mempunyai peranan yang amat strategik dalam pembangunan negara dan bangsa. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain juga memainkan peranan yang penting ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial. NGO seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), Perkumpulan Wanita (WI), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Pertubuhan Bantuan Wanita Islam dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam serta pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain telah menyediakan berbagai program pembangunan berbentuk jayadiri dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain.

Dalam usaha untuk menarik lebih ramai kaum wanita berkerja, maka perlu ada pendekatan fleksibel dan inovatif yang mengambil kira bahawa pekerja wanita juga adalah seorang ibu dan isteri. Kaum wanita lebih mementingkan masa kualiti bersama keluarga dan mahu lebih waktu bersama anak di padang permainan berbanding terperangkap dalam kesesakan jalan raya. Bagi sesetengah wanita sukar untuk terikat dengan waktu kerja tetap seperti pukul 9 pagi hingga 5 petang kerana dalam waktu itu mereka perlu melakukan aktiviti penting lain seperti menghantar anak ke sekolah. Oleh itu, jika waktu kerja fleksibel diperkenalkan maka ia mampu meningkatkan produktiviti. Hal ini kerana prinsip ini boleh meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan kerana jumlah mereka belum setanding negara-negara maju. Oleh itu, pengenalan waktu kerja fleksibel akan mampu menarik lebih ramai kaum wanita untuk berkerja.

Keselamatan dan kesihatan wanita juga turut dicadangkan bagi setiap tempat kerja. Hal ini bagi mengelakkan kemalangan yang berlaku di tempat kerja. Statistik pada tahun 2007 yang diperolehi daripada Kementerian Sumber Manusia

menunjukkan bilangan pekerja di Malaysia adalah seramai 10,889,500 orang dimana 6,747,100 atau 62 peratus adalah lelaki dan 3,791,000 atau 38 peratus adalah wanita. Sektor-sektor di mana ramai pekerja wanita bekerja adalah di sektor pembuatan, di ikuti perdagangan borong dan runcit , pendidikan dan pertanian. Di beberapa sektor, sektor pendidikan dan kesihatan dan kerja-kerja kebajikan, adalah didapati bilangan pekerja wanita adalah melebihi bilangan pekerja lelaki. Oleh kerana, sektor-sektor yang dinyatakan tadi adalah penting ini menunjukkan bahawa sumbangan wanita di dalam pembangunan negara tidak boleh dinafikan. Oleh itu kajian mengenai penglibatan wanita di alam pekerjaan terutama di sektor yang memerlukan tenaga fizikal yang boleh memberi kesan kepada kesihatan wanita berkenaan di tempat kerja adalah mustahak dan perlu dijalankan segera. Sebagaimana yang kita ketahui, setiap wanita mempunyai tiga tanggung-jawab yang perlu dipikul iaitu sebagai seorang isteri dan ibu dan sebagai pekerja. Setiap tanggung-jawab ini memerlukan pengorbanan yang tinggi dari segi tenaga dan perasaan. Apabila sesuatu yang berlaku di dalam rumah tangganya, di luar waktu bekerja, berkemungkinan besar, boleh memberi kesan kepada dirinya semasa bekerja dan begitu juga sebaliknya. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada keselamatan dan kesihatan pekerja wanita tersebut semasa bekerja. Sebagai contoh pekerja perlu melakukan kerja-kerja rumah dan melayan anak dan suami akan merasa letih apabila pergi bekerja. Kemalangan boleh berlaku di sebabkan pekerja yang keletihan yang tidak fokus dalam menjalankan kerjanya. Setakat ini, siasatan kemalangan hanya tertumpu kepada isu-isu di tempat kerja sahaja dan punca sebenar kejadian di sebabkan keletihan semasa di rumah tidak diberi perhatian.

## 5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang di perolehi bagi meningkatkan penyertaan wanita berkahwin perlu kerjasama antara dua pihak iaitu pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan (NGO).

Selain itu, pelaksanaan Dasar Wanita Negara (DWN) adalah mempunyai objektif yang perlu di capai iaitu untuk menjamain perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat serta mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan. Objektif untuk mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan negara selaras kemampuan dan keperluan bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan dan membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf.

Pelaksanaan Dasar Wanita Negara (DWN) telah mewujudkan Unit Hal Ehwal Wanita (HAWA) mulai 1 Januari 1990 dan telah dipertingkatkan menjadi Bahagian Hal Ehwal Wanita yang kini diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Oleh itu, usaha kerajaan jelas menunjukkan bahawa kesungguhan pihak kerajaan dapat meningkatkan penyertaan lagi wanita dalam pembangunan negara secara berkesan dan sistematik. Menyedari pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik strategi-strategi yang khusus perlu dibentuk bagi melibatkan wanita secara berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan.

## RUJUKAN

- Lim Hock Eam, Zalina Mohd Mohaideen (2003). "Kesan Faktor Anak Ke atas Penyertaan Tenaga Buruh Wanita Berkahwin Di Kedah: Satu Analisis Model Multinomial Logit", 10 (2), 195-222
- Kwabena A. Anaman, Hartinie M. Kassim (2006). "Marriage and female labour supply in Brunei Darussalam: A case study of urban women in Bandar Seri Begawan", 797-812
- Bun Song Lee, Soomyung Jang & Jayanta Sarkar (2008). "Women's labor force participation and marriage: The case of Korea"
- Jungmin Lee (2005). "Marriage, female labor supply, and Asian zodiacs", 427-432
- Lim Hock Eam , Zalina Mohd Mohaideen, Norehan Abdullah (2003). "Penyertaan Tenaga Buruh Wanita Berkahwin di Kedah: Kesan faktor agama, anak dan pendidikan".
- Andy Field. (2000). 'Discovering Statistics using SPSS for Windows'
- Damodar N. Gujarati. 'Basic Econometrics'.
- Hassan B. Ali. 'Ekonometrik Asas'. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Kertas Kerja Seminar Pembangunan & Isu-Isu Global (MTP 3012)
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ministry of Women, Family and Community Development) (2004).
- Sabine Landau, Brian S. Everitt " A Handbook of Statistical Analyses using SPSS"
- Darren George, Paul Mallery (seventh edition) "SPSS for windows step by step, A simple guide and reference 14.0 update"
- Ahmad Mahdzan(2005) edisi ketiga "Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi"
- Othman Mohamed (2001) "Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan"
- James H. Stock, Mark W. Watson (second edition) "Introduction to Economics"
- Laporan Bayangan CEDAW Kumpulan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia(2004).
- Bernama, 8 Ogos 2005

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh

Kongress Kesatuan Kerja Malaysia ,2004

Unit Perancang Ekonomi Malaysia

Dasar Wanita Negara

Jabatan Perangkaan Malaysia



LAMPIRAN A

Kod Responden



Saya merupakan pelajar Tahun Akhir Program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang menjalankan satu kajian kes di Johor mengenai “Penyertaan Wanita Berkahwin Dalam Sektor Pekerjaan”

Saya berharap agar Tuan/Puan/Encik/Cik dapat memberi kerjasama untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan soal selidik ini yang hanya mengambil masa lebih kurang 20 minit.

Segala maklumat yang Tuan/Puan/Encik/Cik berikan adalah sulit dan rahsia serta terpelihara dari pihak-pihak yang tidak berkenaan. Maklumat yang diberikan hanya bertujuan untuk penyelidikan saya sahaja. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan/Encik/Cik adalah amat kami hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Bahagian A : Latar Belakang Responden

*ARAHAN: Bahagian ini melibatkan latar belakang demografi responden. Sila tandakan ( / ) bagi jawapan yang dipilih*

1. Jantina

- Lelaki
- Perempuan

2. Bangsa

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain , nyatakan : \_\_\_\_\_

3. Umur : \_\_\_\_\_ tahun

4. Taraf perkahwinan

- Berkahwin
- Bujang
- Balu / janda

5. Apakah tahap pendidikan tertinggi anda?

- Tiada pernah bersekolah
- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah  Diploma / STPM
- Ijazah dan ke atas

6. Pekerjaan

- Kakitangan Kerajaan
- Kakitangan swasta
- Bekerja sendiri/keluarga
- Pesara
- Lain-lain; nyatakan : \_\_\_\_\_

7. Berapakah jumlah pendapatan bulanan anda?  
Nyatakan RM\_\_\_\_\_ sebulan.

8. Berapakah bilangan isi rumah? \_\_\_\_\_ orang

9. Tanggungan anda? \_\_\_\_\_ orang

10. Kawasan tempat tinggal

Bandar

Luar bandar

Nyatakan : \_\_\_\_\_

Bahagian B :

*Di bawah ini disenaraikan faktor-faktor yang mengalakkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan di bawah ini.*

11. Adakah anda sudah lama melibatkan diri dalam sektor pekerjaan

Ya

Tidak

12. Jika 'Ya' berapa lamakah pengalaman kerja anda?

Nyatakan:\_\_\_\_\_ tahun

13. Sejauh manakah tahap pengetahuan anda tentang isu penyertaan wanita dalam guna tenaga?

Tinggi

Rendah

14. Pada pendapat anda, siapakah yang lebih bertanggungjawab dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan?

Masyarakat

Pihak kerajaan

NGO (Badan Bukan Kerajaan)

Individu itu sendiri

15. Adakah anda bersetuju bahawa penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan disebabkan pendapatan suami yang rendah?

Ya

Tidak

16. Jika 'Ya' berapakah pendapatan suami anda?

RM \_\_\_\_\_ sebulan

17. Sekiranya anda mempunyai pekerjaan sampingan, berapakah pendapatan sampingan anda?

RM \_\_\_\_\_ sebulan

18. Berapakah bilangan anak anda? (sila letakkan nombor)

bilangan anak berumur kurang daripada 6 tahun

bilangan anak berumur 6 – 19 tahun

bilangan anak 20 tahun dan ke atas

19. "Peranan dan tanggungjawab wanita sebagai penjaga anak boleh diambil alih oleh pihak yang menawarkan perkhidmatan penjagaan anak seperti taman asuhan dan tadika". Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?

Ya

Tidak

20. Berapakah kos perbelanjaan sebulan di taman asuhan/tadika bagi seorang anak yang berumur ?

1 tahun : RM \_\_\_\_\_ sebulan

2 tahun : RM \_\_\_\_\_ sebulan

3 tahun : RM \_\_\_\_\_ sebulan

4 tahun : RM \_\_\_\_\_ sebulan

5 tahun : RM \_\_\_\_\_ sebulan

Lebih 6 tahun: RM \_\_\_\_\_ sebulan

Jumlah kos perbelanjaan bagi semua anak : RM \_\_\_\_\_ sebulan

### BAHAGIAN C :

Di bawah ini disenaraikan kebaikan dan keburukan akibat penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Sila baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan dibawah ini. Tandakan pada jawapan yang berkaitan.

Kebaikan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju
1. Dapat mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing.	1	2	3	4	5
2. Tahap pendidikan merupakan salah satu faktor yang lebih menggalakkan penyertaan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.	1	2	3	4	5
3. Meningkatkan pendapatan suami dan isi rumah.	1	2	3	4	5
4. Wanita berkahwin yang bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri akan mengurangkan kebergantungan isteri kepada suami.	1	2	3	4	5
5. Pihak kerajaan perlu membantu menyediakan lebih banyak kemudahan pusat jagaan anak dengan kos yang lebih rendah.	1	2	3	4	5

<b>Keburukan</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>Tidak setuju</b>	<b>Kurang setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>
1. Wanita berkahwin yang bekerja akan mengenyepikan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri.	1	2	3	4	5
2. Faktor perkahwinan merupakan salah satu faktor yang membataskan dan menghalang penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan.	1	2	3	4	5
3. Tahap Pendidikan tidak membantu wanita dalam menceburi dalam bidang pekerjaan.	1	2	3	4	5
4. Budaya masyarakat timur dan tradisi membataskan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan negara.	1	2	3	4	5
5. Bilangan anak boleh mempengaruhi keputusan wanita berkahwin untuk bekerja atau tidak bekerja.	1	2	3	4	5

**LAMPIRAN B****BILANGAN PENDUDUK (WANITA) YANG BEKERJA MENGIKUT PEKERJAAN DAN TARAF PERKAHWINAN  
MALAYSIA 1990-1999**

TAHUN	Jumlah	Belum pernah berkahwin	Berkahwin	Balu/duda	Bercerai /berpisah
1990	2,374.3	887.1	1,312.9	118.5	55.5
1992	2,493.6	933.3	1,375.6	123.0	60.3
1993	2,529.6	911.7	1,436.7	122.2	58.6
1995	2,588.4	945.5	1,457.0	137.1	48.4
1996	2,885.0	1,011.2	1,666.8	148.0	58.6
1997	2,911.5	1,013.3	1,696.9	130.8	70.5
1998	2,880.7	987.6	1,676.1	141.6	75.2
1999	2,986.6	1,043.7	1,731.1	127.7	83.1
2000	3,295.7	1,182.7	1,897.2	140.1	75.7
2001	3,301.1	1,123.2	1,952.4	138.6	86.2
2002	3,400.8	1,142.4	2,017.2	148.5	91.6

**BILANGAN TENAGA BURUH MENGIKUT JANTINA DAN TARAF PERKAHWINAN, MALAYSIA 2003-2007**

Tahun	Berkahwin		Belum pernah Berkahwin		Balu/Duda	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
2003	4,244.2	2,110.2	2,226.7	1,320.8	49.0	156.6
2004	4,291.2	2,163.1	2,238.9	1,307.0	45.7	160.1
2005	4,291.2	2,104.6	2,321.2	1,367.9	53.3	150.2
2006	4,405.9	2,162.2	2,345.3	1,380.1	50.1	148.4
2007	4,461.5	2,231.9	2,399.8	1,426.4	54.1	159.7



ANALISIS PENYERTAAN WANITA BERKAHWIN DALAM SEKTOR PEKERJAAN -NOR HAZLINA BINTI SAADON